KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KOLEJ KOMUNITI
JERANTUT

# LANTERA

## BIL 5/2022



**LAWATAN ILMIAH PELAJAR SPK KE UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA & FARM FRESH**
20 OKTOBER 2022




**PROGRAM DEMONSTRASI FESTIVAL MALAYSIA AGRICULTURE, HORTICULTURE AND AGROTOURISM (MAHA 2022)**
7 MAC 2022

kkjerantut.mypolycc.edu.my

Diterbitkan oleh

PENGARAH

Kolej Komuniti Jerantut
Taman Wawasan
Jalan Jerantut-Temerloh
27000 Jerantut
Pahang Darul Makmur

Tel : 09-2662945
Faks : 09-2662946

Hak Cipta Kolej Komuniti Jerantut 2022

Sebarang bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada secara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Kolej Komuniti Jerantut terlebih dahulu.

# ISI KANDUNGAN











**Sidang Redaksi** 01

**Dari Meja Ketua Editor** 02

**Sepintas Lalu** 03

**Carta Organisasi** 04

- Pengurusan Tertinggi
- Unit Akademik (SPK & AKUA)
- Unit Akademik (Pengajian Am & PSH)
- Unit Pentadbiran & Sokongan

**Laporan Unit Pengurusan** 09

**Laporan Unit Pentadbiran dan Kewangan** 11

**Laporan Unit Akademik** 22

- Laporan Unit Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan (SPK)
- Laporan Unit Sijil Akuakultur
- Laporan Unit Pengajian Am

**Laporan Unit Pengajian Sepanjang Hayat (PSH)** 36

**Laporan Unit Sokongan Akademik**

- Laporan Unit Pengambilan 44
- Laporan Unit Pembangunan Pelajar 47
- Laporan Unit Peperiksaan 56
- Laporan Unit Penerangan 59
- Laporan Unit Keusahawanan 85
- Laporan FAMB 91
- Laporan Unit Latihan & Pembangunan Staf 94
- Laporan Unit Belia dan Sukan 97
- Laporan Unit Jaminan Kualiti 106
- Laporan Unit Perhubungan Industri & Alumni 110
- Laporan Unit Penyelidikan & Inovasi 115
- Laporan Penyelaras KPI (PERSIST) 120
- Laporan Unit Kesepunyaan & Keserakanan (PK&K) 123
- Laporan Unit Perpustakaan 126
- Laporan Kelab Warga KKJP (KEKWA) 136

**Autograf** 145

# SIDANG REDAKSI

**PENAUNG**
Mohd Zool Fazlee bin Basir

**KETUA SIDANG REDAKSI**
Noradila binti Amrun
Mohd Ridhwan bin Che' Amat

**EDITOR**
Zubaydah binti Mohd Yasin
Mohd Munir bin Zainal Abidin

**KETUA EDITOR**
Ainin Faizah binti Alias

**GRAFIK DAN SUSUN ATUR**
Nor Fauziana binti Mohd Salleh
Rosilah binti Khairudin

**PENOLONG KETUA EDITOR**
Dr. Mohd Redzwan bin Abdul Mutalib

**FOTOGRAFI**
Mohd Shahidan bin Mohd Zain



# Dari Meja KETUA EDITOR



Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana di atas izin-Nya, Lantera Bil 5/2022 yang menjadi kebanggaan warga Kolej Komuniti Jerantut berjaya diterbitkan. Lantera Bil 5/2022 merupakan laporan tahunan Kolej Komuniti Jerantut bagi tahun 2022 yang mengandungi penulisan berkenaan pencapaian dan kejayaan Kolej Komuniti Jerantut sepanjang tahun 2022. Penerbitan Lantera KKJP ini adalah sebagai salah satu penghargaan dan bukti usaha murni semua staf Kolej Komuniti Jerantut yang komited melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam menjayakan visi dan misi jabatan.

Sekalung tahniah diucapkan kepada seluruh Sidang Redaksi Lantera Bil 5/2022, kerana telah sama-sama berusaha dalam menyumbang idea dan tenaga bagi memastikan penerbitan ebuletin ini. Komitmen dan usaha semua staf yang menjadikan penerbitan ebuletin ini terlaksana amatlah dihargai. Semoga Lantera ini dapat membantu menyuluh dan menyinar kehidupan setiap generasi melalui peranannya dalam berkongsi sumber, membekalkan ilmu, menyalurkan kemahiran dan kepakaran serta pelaksanaan aktiviti sosial yang menambah nilai kehidupan kepada semua golongan masyarakat. Tahniah dan syabas diucapkan.

**AININ FAIZAH BINTI ALIAS**
**(Ketua Editor)**

# *Sepintas Lalu*
# KOLEJ KOMUNITI JERANTUT




## LATAR BELAKANG

Kolej Komuniti Jerantut merupakan Institusi TVET di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Kolej Komuniti Jerantut telah ditubuhkan pada 3 Januari 2012 yang beralamat di Taman Wawasan, Jalan Jerantut-Temerloh, 27000 Jerantut, Pahang.

Dua program yang ditawarkan di Kolej Komuniti Jerantut adalah :

- Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan (SPK)
- Sijil Akuakultur (AKUA)

## MISI

**Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul**

## VISI

- **Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf**
- **Memperkasa komuniti melalui penyelidikan, inovasi dan pembelajaran sepanjang hayat**
- **Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang**
- **Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan**

# Carta Organisasi
# KOLEJ KOMUNITI JERANTUT




**Duduk di hadapan dari kiri :**
Pn. Nor Amalina binti Abdullah, Pn. Zubaydah binti Mohd Yasin, Pn. Noradila binti Amrun, En. Mohd Zool Fazlee bin Basir, En. Mohd Ridhwan bin Che' Amat, En. Mohd Munir bin Zainal Abidin, Pn. Nur Ilyana binti Abdullah

**Berdiri di tengah dari kiri :**
Cik Norahiza binti Fakhruddin, Pn. Nurulizzah binti Idris, Pn. Nor Fauziana binti Mohd Salleh, Pn. Nurul Afza binti Abdul Malik, Pn. Farah Diyana binti Mohd Azmi, Pn. Azizurani binti Ahmad, Pn. Azni binti Zainun, Pn. Rosnina binti Saad, Pn. Rosilah binti Khairudin, Pn. Azlina binti Abdul Halim, Pn. Ainin Faizah binti Alias, Pn. Noraihan binti Ahmad @ Mohamad, Pn. Nur Liyana binti Rusli

**Berdiri di belakang dari kiri :**
En. Muhammad Muizzulihab bin Morshid, En. Mohd Saiful Zairy bin Mohd Zaidi, En. Mazlan bin Hashim, En. Asri bin Mamat, Dr. Mohd Redzwan bin Abdul Mutalib, En. Ahmad Sabre bin Osman, En. Mohd Azman bin Rosli, En. Mohd Shahidan bin Mohd Zain

# Carta Organisasi
# KOLEJ KOMUNITI JERANTUT

## PENGURUSAN TERTINGGI



**NORADILA BINTI AMRUN**
Timbalan Pengarah (Pengurusan)



**MOHD ZOOL FAZLEE BIN BASIR**
Pengarah



**MOHD RIDHWAN BIN CHE' AMAT**
Timbalan Pengarah (Akademik)



**NOR AMALINA BINTI ABDULLAH**
Pegawai Pengambilan



**ZUBAYDAH BINTI MOHD YASIN**
Peg. Perhubungan Industri & Alumni



**NUR ILYANA BINTI ABDULLAH**
Pegawai Peperiksaan



**MOHD MUNIR BIN ZAINAL ABIDIN**
Peg. Pembangunan Pelajar

# Carta Organisasi
# KOLEJ KOMUNITI JERANTUT

## UNIT AKADEMIK SPK DAN AKUA



**AHMAD SABRE BIN OSMAN**
Ketua Program Makanan



**NORAIHAN BINTI AHMAD @MOHAMED**
Pensyarah SPK



**AININ FAIZAH BINTI ALIAS**
Pensyarah SPK



**NURUL AFZA BINTI ABDUL MALIK**
Pensyarah SPK



**FARAH DIYANA BINTI MOHD AZMI**
Ketua Program Akuakultur



**NURULIZZAH BINTI IDRIS**
Pensyarah AKUA



**MOHD SAIFUL ZAIRY BIN MOHD ZAIDI**
Pensyarah AKUA



**MUHAMMAD MUIZZULIHAB BIN MORSID**
Pensyarah AKUA

# Carta Organisasi
# KOLEJ KOMUNITI JERANTUT

## UNIT AKADEMIK PENGAJIAN AM & PSH



**DR. MOHD REDZWAN BIN ABDUL MUTALIB**
Ketua Unit Pengajian Am



**NOR FAUZIANA BINTI MOHD SALLEH**
Pensyarah Pengajian Am



**NUR LIYANA BINTI RUSLI**
Pensyarah Pengajian Am



**MOHD AZMAN BIN ROSLI**
Pensyarah PSH

# Carta Organisasi
# KOLEJ KOMUNITI JERANTUT

## UNIT PENTABIRAN DAN SOKONGAN



**MAZLAN BIN HASHIM**
Penolong Pegawai Tadbir



**ASRI BIN MAMAT**
Penolong Jurutera



**MOHD SHAHIDAN BIN MOHD ZAIN**
Pen. Peg. Teknologi Maklumat



**NORAHIZA BINTI FAKHRUDDIN**
Penolong Akauntan



**ROSILAH BINTI KHAIRUDIN**
Pen. Peg. Teknologi Maklumat



**AZLINA BINTI ABDUL HALIM**
Pembantu Tadbir



**AZIZURANI BINTI AHMAD**
Pembantu Makmal



**AZNI BINTI ZAINUN**
Pembantu Pustakawan



**ROSNINA BINTI SAAD**
Pembantu Operasi



**MUHAMAD NAZIMI BIN MAT SALEH**
Pemandu

# LAPORAN UNIT PENGURUSAN

# LAPORAN UNIT PENGURUSAN

Penulis : Noradila binti Amrun
Timbalan Pengarah Pengurusan

## PEMANTAUAN PEGAWAI DARI BPPI, JPPKK TERHADAP PROJEK INFRASTRUKTUR MESRA OKU DI KOLEJ KOMUNITI JERANTUT

### 14 OKTOBER 2022



- Menerima kehadiran Dr. Bibie Sara binti Salleh, Timbalan Pengarah Unit Infrastruktur & Fasiliti, Bahagian Perancangan Program dan Institusi (BPPI), JPPKK. Juga bersama beliau adalah Ts. Mohd Norhisham bin Dollah, Penolong Pengarah Kanan.
- Pemantauan ini adalah bertujuan untuk memantau pelaksanaan projek kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur mesra orang kurang upaya (OKU) sepanjang tahun 2022 yang telah dilaksanakan dengan baik di institusi dan mengikut prosedur peruntukan dari jabatan yang sedang berkuatkuasa.



# LAPORAN UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

# LAPORAN UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Penulis : Azizurani binti Ahmad
Pembantu Makmal

## PERHIMPUNAN STAF TAHUN 2022



### Objektif

- Menyampaikan informasi berkaitan program yang akan dan telah dilaksanakan.
- Kejayaan dan pencapaian pegawai.
- Menyampaikan penghargaan kepada Pekerja Contoh Bulanan dan Anugerah Khas Pengarah.
- Majlis Apresiasi dan perpisahan staf yang akan berpindah.
- Pengarah menyampaikan amanat kepada semua staf.





> “Manusia sebagai khalifah yang telah diamanahkan untuk mengurus seluruh alam ini. Konsep bekerja mengikut amanah dan perintah agama.”
>
> **Mohd Zool Fazlee bin Basir**
> **Pengarah Kolej Komuniti Jerantut**

# LAPORAN UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Penulis : Azizurani binti Ahmad
Pembantu Makmal

## PERHIMPUNAN STAF TAHUN 2022

### Perhimpunan bil. 1




Tarikh : 23 September 2022
Anjuran : Unit Pentdbiran
Masa : 3.00 petang
Tempat : Dewan Kuliah KKJP


















### Perhimpunan bil. 2

Tarikh : 20 Disember 2022
Anjuran : Unit Pengurusan dan Pegawai Kanan
Masa : 3.00 petang
Tempat : Napuh Ballroom, Hotel Darul Makmur








# LAPORAN UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Penulis : Azizurani binti Ahmad
Pembantu Makmal

## ANUGERAH STAF



Penerima APC KKJP tahun 2021 bersama Pengarah KKJP

### ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2021

Majlis APC 2021 Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Pahang telah pun berlangsung di Hotel Ancasa Royale, Pekan Pahang pada 16 Ogos 2022.

Penerima APC Kolej Komuniti Jerantut adalah Encik Mohd Ridhwan bin Che' Amat, Puan Rosilah binti Khairudin dan Puan Azizurani binti Ahmad.

### ANUGERAH PEKERJA CONTOH BULANAN (APCB) TAHUN 2022

| APCB 2022 | PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN | AKADEMIK PENDIDIKAN BERTERUSAN |
|---|---|---|
| JANUARI | NORAHIZA BINTI FAKHRUDDIN | AININ FAIZAH BINTI ALIAS |
| FEBRUARI | ROSILAH BINTI KHAIRUDIN | MOHD MUNIR BIN ZAINAL ABIDIN |
| MAC | AZLINA BINTI ABDUL HALIM | NORAIHAN BINTI AHMAD@MOHAMAD |
| APRIL | AZNI BINTI ZAINUN | MOHD AZMAN BIN ROSLI |
| MEI | AZIZURANI BINTI AHMAD | AHMAD SABRE BIN OSMAN |
| JUN | ROSNINA BINTI SAAD | MOHD SAIFUL ZAIRY BIN MOHD ZAIDI |
| JULAI | ASRI BIN MAMAT | NURUL AFZA BINTI ABDUL MALIK |
| OGOS | ZUBAYDAH BINTI MOHD YASIN | NOR FAUZIANA BINTI MOHD SALLEH |
| SEPTEMBER | MAZLAN BIN HASHIM | MOHAMAD SHAMSUL BIN SAPARI |
| OKTOBER | AZNI BINTI ZAINUN | MOHD AZMAN BIN ROSLI |
| NOVEMBER | AZNI BINTI ZAINUN | NOR FAUZIANA BINTI MOHD SALLEH |
| DISEMBER | MOHD MUNIR BIN ZAINAL ABIDIN | MOHD SAIFUL ZAIRY BIN MOHD ZAIDI |



# LAPORAN UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Penulis : Azizurani binti Ahmad
Pembantu Makmal

## ANUGERAH STAF



### PENERIMA ANUGERAH KHAS PENGARAH



Anugerah Khas Pengarah diberikan sebagai penghargaan atas khidmat bakti pegawai yang melaksanakan atau penyertaan program yang memberi impak kepada komuniti, masyarakat dan menaikkan imej jabatan

Penghargaan ini seterusnya dapat menjadi pemangkin kepada semua pegawai untuk menjalankan tugas dan amanah yang diberikan dengan lebih cemerlang di masa akan datang










### PENERIMA ANUGERAH PENCAPAIAN KPI PENSYARAH MENGAJAR KURSUS PSH

- MOHD SAIFUL ZAIRY BIN MOHD ZAIDI **179%**
- AHMAD SABRE BIN OSMAN **173%**
- AININ FAIZAH BINTI ALIAS **157%**
- NOR AMALINA BINTI ABDULLAH **130%**
- NUR ILYANA BINTI ABDULLAH **126%**
- NORAIHAN BINTI AHMAD @MOHAMAD **123%**









# LAPORAN UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Penulis : Mazlan bin Hashim
Penolong Pegawai Tadbir

## SEMAKAN BUKU REKOD PERKHIDMATAN (AM-274)

**28 NOV - 2 DIS 2022**

### Objektif

- Bertujuan memberi panduan kepada agensi awam dalam menguruskan Buku Perkhidmatan Kerajaan supaya maklumat yang direkodkan lebih teratur, lengkap dan seragam.
- Mengesahkan dan mengemaskini rekod perkhidmatan di KKJP bagi tahun 2022.
- Memastikan rekod BRP teratur, lengkap dan terkini sebagai persediaan untuk proses persaraan.

### Jadual Program

**Semakan BRP 2022**

- Semua Pegawai dan Staf
- Tarikh : 28 Nov hingga 2 Dis 2022
- Masa : 9.00 am - 4.00 pm

> **"Semakan BRP ini telah berjaya dilaksanakan dengan melibatkan 29 pegawai dan staf pada tahun 2022 di Unit Pentadbiran KKJP"**






# LAPORAN UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Penulis : Mazlan bin Hashim
Penolong Pegawai Tadbir

## BENGKEL MyPERFORMANCE (SKU) 5 DISEMBER 2022

### Objektif

MyPerformance merupakan Sistem Pengurusan Prestasi Kumpulan Pengurusan Profesinal Serta Kumpulan Pelaksana yang dibangunkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
Sistem Saraan Malaysia yang berteraskan kompetensi dalam pengurusan sumber manusia perkhidmatan awam diperkenalkan sejak tahun 2002.

### Jadual Program

**Bengkel MyPerformance - SKU 2022**

- Semua Pegawai dan Staf
- Tarikh : 05 Dis 2022
- Masa : 9.00 am - 12.00 pm

Ianya bertujuan untuk menggalakkan pembangunan diri melalui pembelajaran berterusan, menggalakkan penguasaan pengetahuan, kemahiran, kreativiti dan inovasi dalam pelaksaaan tugas, melahirkan pekerja berpengetahuan yang dapat meningkatkan keupayaan dan daya saing perkhidmatan awam serta mampu memenuhi ekspektasi pelanggan yang semakin meningkat.

Selaras dengan strategi kerajaan untuk mengukuhkan lagi pengurusan bakat dalam perkhidmatan awam bagi meningkatkan produktiviti negara, inisiatif penyesuaian sistem pegurusan prestasi berasaskan fungsi jabatan serta pemberian ganjaran berasaskan prestasi diperkenalkan.

Inisiatif ini merangkumi pengenalan Modul Pengurusan Prestasi - **MyPerformance** HRMIS serta tambah baik tadbir urus pengurusan prestasi bagi memperkasa (empower) jabatan dalam aspek pengurusan sumber manusia di jabatan masing-masing.



# LAPORAN UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Penulis : Mazlan bin Hashim
Penolong Pegawai Tadbir

## BENGKEL MyPERFORMANCE (SKU) 5 DISEMBER 2022

### Apa itu SKU?

- Penjajaran objektif penyampaian perkhidmatan dan petunjuk prestasi utama menggunakan instrumen Sasaran Kerja Utama (SKU). Objektif penyampaian perkhidmatan jabatan atau teras strategik iaitu bidang tumpuan / fokus spesifik perkhidmatan jabatan sepanjang tahun penilaian.
- Petunjuk prestasi mengukur output / outcome yang dipertanggungjawab ke atas Bahagian / Cawangan / Unit / Jawatan berdasarkan peranan dan bidang tugas.

### Jadual Program

**Bengkel MyPerformance - SKU 2022**

- Semua Pegawai dan Staf
- Tarikh : 05 Dis 2022
- Masa : 9.00 am - 12.00 pm

### Beza SKT dan SKU

| KATEGORI PENILAIAN | SKT | SKU |
|---|---|---|
| Adil | Akauntabiliti jawatan yang sama, petunjuk prestasi yang berbeza | Akauntabiliti jawatan yang sama, petunjuk prestasi yang sama |
| Objektif | Skor penilaian tertakluk kepada kebijaksanaan pegawai penilai | Skor penilaian secara automatik dan pengesahan ke atas pencapaian |
| Telus | Markah penghasilan kerja merupakan wajaran bagi markah kuantiti, kualiti, masa dan borang yang berbeza | Pemberian markah di atas borang yang sama |
| Kebolehasingan | Sukar membezakan tahap prestasi antara jawatan yang sama | Mudah membezakan tahap prestasi antara jawatan yang sama |

# LAPORAN UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Penulis : Mazlan bin Hashim
Penolong Pegawai Tadbir

## BENGKEL MyPERFORMANCE (SKU) 5 DISEMBER 2022

### Info Grafik MyPerformance




### Jadual Program

**Bengkel MyPerformance - SKU 2022**

- Semua Pegawai dan Staf
- Tarikh : 05 Disember 2022
- Masa : 9.00 am - 12.00 pm

**Bengkel MyPerformance-SKU ini telah dilaksanakan dengan jayanya melibatkan 29 pegawai dan staf pada tahun 2022 di Makmal Komputer KKJP.**








# LAPORAN UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Penulis : Mazlan bin Hashim
Penolong Pegawai Tadbir

## LAPORAN KEWANGAN TAHUN 2022 JANUARI - DISEMBER 2022



### Objektif

- Menyediakan dan menyelaraskan belanjawan tahunan Jabatan.
- Memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa.

### Aktiviti Utama

- Menguruskan dan menyelaras permohonan belanjawan tahunan dari setiap bahagian / unit.
- Memastikan pembayaran emolumen dibayar kepada setiap pegawai dan kakitangan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- Menyediakan Pesanan Kerajaan sebelum sesuatu bekalan / pekhidmatan diterima.
- Proses pembayaran dilaksanakan dalam tempoh 7/14 hari dari tarikh dokumen lengkap diterima.

### Jadual Program

**Pembentangan Prestasi Perbelanjaan Tahun 2022**

- Semua Ahli Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Akaun(JPKA)
- Tarikh :
  - Suku Pertama - 6 April 2022
  - Suku Kedua - 18 Julai 2022
  - Suku Ketiga - 4 Oktober 2022
  - Suku Keempat - 4 Januari 2023
- Masa : 9.00 pagi - 11.00 pagi

# LAPORAN UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Penulis : Mazlan bin Hashim
Penolong Pegawai Tadbir

## LAPORAN KEWANGAN TAHUN 2022 JANUARI - DISEMBER 2022

### Rangkuman Laporan JPKA Tahun 2022 Kolej Komuniti Jerantut

| JUMLAH PERUNTUKAN DIPINDA (RM) | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) | PERATUSAN PERBELANJAAN (RM) |
|---|---|---|
| 2,268,834.60 (Januari - Mac) | 533,496.06 | 29.42 |
| 2,339,139.67 (April-Jun) | 1,195,979.23 | 42.50 |
| 2,483,289.07 (Julai - September) | 1,891836.12 | 76.18 |
| 2,667,471.27 (Oktober - Disember) | 2,667,471.27 | 100 |

### Jadual Program

**Pembentangan Prestasi Perbelanjaan Tahun 2022**

- Semua Ahli Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Akaun(JPKA)
- Tarikh :
  - Suku Pertama - 6 April 2022
  - Suku Kedua - 18 Julai 2022
  - Suku Ketiga - 4 Oktober 2022
  - Suku Keempat - 4 Januari 2023
- Masa : 9.00 pagi - 11.00 pagi

### Taklimat Penutupan Akaun Tahun 2022



Seramai 2 orang wakil dari Kolej Komuniti Jerantut iaitu Encik Mazlan bin Hashim dan Cik Norahiza binti Fakhruddin telah menghadiri Taklimat Penutupan Akaun Tahun 2022 JANM, pada 23 November 2022 yang bertempat di Auditorium RTM Pahang, Kuantan.

# LAPORAN UNIT AKADEMIK

# LAPORAN UNIT SIJIL PEMPROSESAN DAN KAWALAN MUTU MAKANAN(SPK)

LAPORAN UNIT SPK

Penulis : Ahmad Sabre bin Osman
Ketua Program Unit SPK

# PERTANDINGAN KEMAHIRAN PRO'F SKILLS PEMPROSESAN MAKANAN BERASASKAN LEBIHAN MAKANAN SECARA DALAM TALIAN

## Objektif

- Menjana kreativiti peserta dari aspek kitar semula dan penghasilan produk baharu yang dihasilkan daripada bahan lebihan makanan serta menekankan aspek teknologi hijau bagi memastikan kelestarian produk makanan digunakan sepenuhnya.
- Menekankan aspek teknologi hijau bagi memastikan kelestarian produk makanan digunakan sepenuhnya.

*"Kemahiran Prof'F Skills Pemprosesan Berasaskan Lebihan Makanan merupakan salah satu program yang mencungkil bakat-bakat dan idea bagi penghasilan produk makanan."*

## Impak

- Diketengahkan pada pertandingan kemahiran kali ini adalah untuk menjana kreativiti peserta dari aspek kitar semula dan penghasilan produk baharu yang dihasilkan daripada bahan lebihan.
- Menekankan aspek teknologi hijau bagi memastikan kelestarian produk makanan digunakan sepenuhnya. Ini bertujuan untuk mengatasi masalah buangan sisa makanan ke tong sampah.

16 Mei - 17 Jun 2022

Pelajar SPK
Pelajar SMK Jengka Pusat 2

Pertandingan Dalam Talian



# LAPORAN UNIT SPK

Penulis : Ahmad Sabre bin Osman
Ketua Program Unit SPK

## INTERPRESTASI KURIKULUM ADITIF DAN JANGKA HAYAT PRODUK MAKANAN



Pelajar SPK

21 - 23 Jun 2022

Penceramah dari UMT

### Objektif

- Mengenalpasti fungsian bahan aditif makanan yang sering digunakan dalam penghasilan produk makanan.
- Mengira kandungan bahan aditif makanan yang diperlukan seperti yang tertakluk dalam peraturan-peraturan makanan yang sedang berkuatkuasa.
- Memahami kaedah pengiraan jangka hayat produk makanan.

> *Kursus dalaman ini dilaksanakan adalah untuk memantapkan lagi kefahaman pensyarah-pensyarah serta pelajar-pelajar berkaitan dengan penghasilan produk mengenai kaedah penentuan jangka hayat produk makanan yang telah dihasilkan bagi menentukan jangka hayat serta penggunaaan aditif makanan*

### Impak

- Kursus ini adalah penting dari pengetahuan berkaitan dengan penggunaan bahan aditif serta penentuan jangka hayat produk makanan yang telah dihasilkan dalam amali pelajar.
- Dapat menentukan jangka hayat makanan yang telah dihasilkan dalam amali pelajar dimana pensyarah dan pelajar boleh membuat kiraan tempoh hayat produk makanan dengan menggunakan kaedah pengiraan yang betul.

# LAPORAN UNIT SPK

Penulis : Ahmad Sabre bin Osman
Ketua Program Unit SPK

## LAWATAN ILMIAH PELAJAR SPK KE *UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA & FARM FRESH UPM*



*"Lawatan ilmiah ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai bidang-bidang makanan yang ada dipasaran kerja apabila pelajar telah tamat pengajian. Malah boleh menarik minat untuk meneruskan pengajian diperingkat yang lebih tinggi."*

### Objektif

- Memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar SPK mengenai peluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.
- Memupuk semangat dan minat untuk meneruskan pembelajaran dalam bidang teknologi dan pemprosesan makanan.

### Impak

- Pelajar dapat meningkatkan pengetahuan dalam jurusan berkaitan dengan bidang teknologi dan sains makanan.
- Mengetahui pemprosesan dari ladang hingga ke produk siap.
- Dapat menarik minat pelajar untuk meneruskan bidang pengajian yang lebih tinggi.



20 Oktober 2022

Pelajar SPK
Pensyarah dan staf KKJP

Farm Fresh @ UPM

Fakulti Sains Teknologi Makanan

# LAPORAN UNIT SPK

Penulis : Ahmad Sabre bin Osman
Ketua Program Unit SPK

## KURSUS MeSTI DAN HOME-BASED KITCHEN




Penceramah kursus : Puan Suraya binti Hashim,
Pegawai Teknologi Makanan, Pejabat Kesihatan Daerah Jerantut

7 Mac 2022

Semua pelajar KKJP

Dewan KKJP

Pegawai Teknologi Makanan

### Objektif

- Menerangkan kepentingan keselamatan makanan.
- Menerangkan kepada pelajar kepentingan garis panduan Home-Based Kitchen dan MeSTI.
- Impak untuk memperolehi pensijilan Home-Based Kitchen dan MeSTI.

### Impak

- Pendedahan tentang garis panduan yang perlu dipatuhi untuk menghasilkan makanan di rumah bagi tujuan jualan.
- Memahami panduan untuk memohon pensijilan Home-Based Kitchen dan pensijilan MeSTI.



# LAPORAN UNIT AKUAKULTUR (SAR)

# LAPORAN UNIT AKUAKULTUR

Penulis : Mohd Saiful Zairy bin Mohd Zaidi
Pensyarah Unit Akuakultur

# PROGRAM DEMONSTRASI FESTIVAL MALAYSIA AGRICULTURE, HORTICULTURE AND AGROTOURISM (MAHA 2022)




## Pengisian Program

- Demonstrasi masakan ikan patin tempoyak oleh Puan Farah Diyana binti Mohd Azmi.
- Sembang Santai Akuakultur dan teka bilangan ikan guppy oleh Encik Mohd Saiful Zairy bin Mohd Zaidi.

7 Mac 2022 | Maeps Sedang Selangor

Pensyarah Unit Akuakultur
Pelajar Sijil Akuakultur

## Objektif

- Mempromosikan Kolej Komuniti Jerantut sebagai institusi pendidikan TVET di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi di MAHA 2022.
- Memberi pendedahan peluang pekerjaan dan peniagaan kepada pelajar Sijil Akuakultur KKJP.
- Meluaskan jaringan kerjasama industri KKJP bersama industri yang terlibat dalam program MAHA 2022





## Impak

- Dapat mempromosikan Program Sijil Akuakultur KKJP kepada pengunjung MAHA 2022.
- Memberi pendedahan kepada para pelajar Sijil Akuakultur dengan revolusi industri 4.0
- Pendedahan inovasi pertanian terkini kepada pelajar Sijil Akuakultur KKJP.

# LAPORAN UNIT AKUAKULTUR

Penulis : Farah Diyana binti Mohd Azmi
Ketua Program Unit Akuakultur

## KURSUS PEMBENIHAN IKAN AIR TAWAR, PENGKULTURAN MOINA & PENGHASILAN MAKANAN RUMUSAN



**Objektif**

- Meningkatkan kemahiran para pensyarah akuakultur KKJP melalui perkongsian ilmu dan praktikal yang dijalankan.
- Menambah pengetahuan dan kemahiran pensyarah dan pelajar Sijil Akuakultur.
- Memberi pengalaman kepada para pensyarah dalam memantapkan lagi kemahiran sedia ada.

### Impak

- Dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam proses pembenihan ikan patin.
- Dapat menambah ilmu dalam penghasilan makanan rumusan bagi ikan air tawar.
- Dapat pendedahan tentang kaedah pengkulturan moina yang dijalankan di FRI Glami Lemi.



17 - 19 Mei 2022

Pusat Penyelidikan Perikanan Air Tawar (FRI) Glami Lemi, Jelebu, Negeri Sembilan

Pensyarah Unit Akuakultur
Pelajar Sijil Akuakultur







# LAPORAN UNIT AKUAKULTUR

Penulis : Farah Diyana binti Mohd Azmi
Ketua Program Unit Akuakultur

## BICARA SANTAI : POTENSI INDUSTRI IKAN HIASAN & TUMBUHAN AKUATIK DALAM AKUAKULTUR

### Objektif

- Memberi pendedahan kepada para pelajar tentang potensi industri ikan hiasan dan tumbuhan akuatik di Malaysia khususnya di Pahang.
- Memberi perkongsian kepada para pelajar tentang peruntukan dan bantuan yang disediakan oleh Jabatan Perikanan.
- Memupuk minat dan semangat kepada para pelajar untuk menceburi bidang ikan hiasan dan tumbuhan akuatik.

9 Disember 2022

Dewan Kuliah,
Kolej Komuniti Jerantut

- Pensyarah Unit Akuakultur
- Pensyarah Sijil Akuakultur




### Impak

- Dapat meningkatkan pengetahuan dalam bidang ikan hiasan dan tumbuhan akuatik.
- Dapat pendedahan tentang potensi ikan hiasan di Malaysia.
- Dapat menarik minat para pelajar untuk menceburi bidang ikan hiasan selepas bergraduasi.




**Penceramah Kursus:**

Encik Mohd Hisham bin Abdullah

(Pembantu Perikanan, Pejabat Perikanan Negeri Pahang)

# LAPORAN UNIT PENGAJIAN AM

# LAPORAN UNIT PENGAJIAN AM

Penulis : Nor Fauziana binti Mohd Salleh
Pensyarah Kanan Unit Pengajian Am

## SIMULASI AKTIVITI JUALAN OFFLINE (SUBJEK KEUSAHAWANAN - MPU 12012)

**19 Oktober 2022**

Aktiviti amali jualan bagi Subjek Keusahawanan (MPU 12012) yang melibatkan pelajar-pelajar semester 3, Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan serta Sijil Akuakultur. Terdapat 5 gerai jualan yang menawarkan pilihan produk yang menarik seperti burger ikan, churros, teh beng vanilla, potato cheese ball dan sebagainya.

Melalui aktiviti ini, pelajar mendapat pengalaman menjadi usahawan atau peniaga yang menghasilkan produk, melibatkan diri dengan urusan jual beli, mengaplikasi elemen campuran pemasaran dan didedahkan dengan pengiraan kos serta untung rugi. Setiap maklumbalas yang diterima daripada pelanggan juga diambil kira bagi menambahbaik produk serta mutu perkhidmatan pada masa akan datang.

19 Oktober 2022

8.00 pagi - 2.00 petang

Kolej Komuniti Jerantut







# LAPORAN UNIT PENGAJIAN AM

Penulis : Nor Fauziana binti Mohd Salleh
Pensyarah Kanan Unit Pengajian Am

## GLOBAL TVET OUTREACH - SALAM PENGENALAN, PENGUAT UKHWAH

**30 Ogos 2022**

Unit Pengajian Am telah melaksanakan program Global TVET Outreach - Salam Pengenalan, Penguat Ukhwah bersama Universitas Negeri Jakarta (UNJ), Indonesia secara atas talian (Zoom).

Antara aktiviti yang dijalankan adalah demonstrasi dan perkongsian ilmu di antara kedua-dua institusi dan semoga program yang dijalankan ini menjadi titik permulaan yang baik bagi menjalankan jaringan kolaborasi dengan institusi luar negara seperti UNJ.

30 Ogos 2022

8.00 pagi - 2.00 petang

Zoom Meeting (online)

Bilangan Peserta : 134 Orang















# LAPORAN UNIT PENGAJIAN AM

Penulis : Dr. Mohd Redzwan bin Abdul Mutalib
Ketua Unit Pengajian Am

## BENGKEL ANDRAGOGI UNTUK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP)

**24 Februari 2022**

Pensyarah Kolej Komuniti Jerantut telah mengikuti Bengkel Ilmu Andragogi untuk Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang telah disampaikan oleh Dr. Mohd Redzwan bin Abdul Mutalib, Ketua Unit Pengajian Am.

Bengkel ini diadakan bertujuan bagi meningkatkan teknik Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) selaras dengan zaman digitalisasi dan kaedah pembelajaran yang sesuai dengan generasi terkini.

Kursus ini memberi impak tinggi dalam melahirkan pensyarah yang kompeten dan berjiwa pendidik, sekaligus membawa nama Kolej Komuniti Jerantut sebagai peneraju TVET bertaraf dunia.

24 Februari 2022

8.00 pagi - 2.00 petang

Bilik Mesyuarat
Kolej Komuniti Jerantut

Bilangan Peserta : 11 orang pensyarah



# LAPORAN UNIT PENGAJIAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

# LAPORAN UNIT PSH

Penulis : Mohd Azman bin Rosli
Pegawai PSH

# PROGRAM KEUSAHAWANAN KOMUNITI (PKK)

## Teknologi Retort Produk Makanan & Minuman

### Objektif

- Memberi latihan kemahiran Teknologi Retort produk makanan dan minuman serta keusahawanan.
- Memberi latihan kemahiran dalam menghasilkan produk makanan sedia untuk dimakan (Ready To Eat), produk makanan sedia untuk dimasak (Ready To Cook) & produk minuman sedia untuk diminum (Ready To Drink).
- Melahirkan usahawan yang berilmu serta berkemampuan untuk bersaing di peringkat tempatan dan juga global.

17 - 25 Oktober 2022

15 Peserta B40 & Belia

Kolej Komuniti Jerantut

6 Kursus Kemahiran
11 Kursus Keusahawanan

### Impak

- Peserta dapat menyenaraikan bahan, mesin dan peralatan yang diperlukan dalam proses retort produk makanan dan minuman.
- Mengendalikan mesin dan peralatan dalam proses penstrilan (retort) makanan.
- Menghasilkan produk makanan RTE, RTC & RTD.
- Menentukan halatuju bagi tujuan menjana pendapatan melalui kemahiran yang diperolehi.

> "Teknologi retort merupakan teknologi yang diaplikasikan untuk memanjangkan jangka hayat produk makanan / minuman tanpa menggunakan bahan pengawet sehingga tempoh 2 tahun."



# LAPORAN UNIT PSH

Penulis : Mohd Azman bin Rosli
Pegawai PSH

# PROGRAM "WOMEN EMPOWERMENT"
## *PENGHASILAN PRODUK MAKANAN*




### Objektif

- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam menghasilkan pelbagai produk makanan.
- Meningkatkan potensi dan keyakinan diri dalam menceburi bidang keusahawanan.
- Menjana pendapatan dan menggalakkan pertumbuhan sosio-ekonomi keluarga dan negara.

- 20 - 26 September 2022
- 150 Peserta Wanita
- 3 Lokasi Sekitar Jerantut
- 4 Kursus Kemahiran

### Impak

- Dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran komuniti dalam bidang kemahiran yang boleh menjana pendapatan.
- Dapat memberi nilai tambah kepada komuniti dengan ilmu kemahiran yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian.
- Dapat melahirkan lebih ramai usahawan wanita bumiputera hasil daripada pembelajaran sepanjang hayat di kolej komuniti.

"Program PSH untuk golongan wanita "Women Empowerment" yang menfokuskan kepada kursus pendek yang intensif bagi tujuan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan ekonomi masyarakat setempat"

# LAPORAN UNIT PSH

Penulis : Mohd Azman bin Rosli
Pegawai PSH

# LATIHAN KEMAHIRAN KEPADA PELAJAR DI INSTITUSI TAHFIZ DAN SEKOLAH PONDOK (PKTP) FASA 1

## Penghasilan Produk Makanan

> PKTP Fasa 1 adalah program khas bertujuan memberi latihan kemahiran kepada pelajar di Institusi Tahfiz dan Sekolah Pondok serta membuka peluang bagi mereka untuk memulakan kerjaya atau mengusahakan perniagaan di dalam bidang penghasilan makanan

### Objektif

- Memberi latihan dan kemahiran kepada pelajar di Institusi Tahfiz dan Sekolah Pondok dalam pemprosesan produk makanan seperti penghasilan Mee Kuning & Kuetiau, Japanese Food Shushi, Burn Cheese Cake, Chocolate Chip Cookies, Chinese Food Dimsum dan Takoyaki.




- 18 - 27 Julai 2022
- 191 Pelajar Tahfiz dan Madrasah
- Kolej Komuniti Jerantut
- 6 Kursus Kemahiran








### Impak

- Peserta dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penghasilan produk makanan.
- Peserta dapat menghasilkan sendiri 6 jenis produk makanan.
- Peserta dapat mengetahui potensi dan memulakan perniagaan dalam bidang penghasilan makanan.

# LAPORAN UNIT PSH

Penulis : Mohd Azman bin Rosli
Pegawai PSH

# LATIHAN KEMAHIRAN KEPADA PELAJAR DI INSTITUSI TAHFIZ DAN SEKOLAH PONDOK (PKTP) FASA 2

## Akuakultur

> PKTP Fasa 2 adalah program khas bertujuan memberi latihan kemahiran kepada pelajar di Institusi Tahfiz dan Sekolah Pondok serta membuka peluang bagi mereka untuk memulakan kerjaya atau mengusahakan perniagaan di dalam bidang Akuakultur

- 11 - 13 Oktober 2022
- 30 Pelajar Tahfiz dan Madrasah
- Madrasah Tahfiz Al-Ghoniah
- 3 Kursus Kemahiran

### Objektif

- Memberi latihan dan kemahiran kepada pelajar di Institusi Tahfiz dan Sekolah Pondok dalam bidang Akuakultur seperti penyediaan kolam ternakan, pengurusan kualiti air dan asas asuhan ikan keli.

### Impak

- Peserta dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan penternakan ikan dalam kolam.
- Peserta dapat mengusahakan projek ternakan ikan dalam kolam.
- Peserta mengetahui potensi dan memulakan perniagaan dalam bidang Akuakultur.





# LAPORAN UNIT PSH

Penulis : Mohd Azman bin Rosli
Pegawai PSH

## PROGRAM 4IRPSH
## PROGRAM PEMBANGUNAN & PENINGKATAN KEMAHIRAN KOMUNITI BERTERASKAN 4IR DALAM BIDANG AKUAPONIK

### Objektif

- Peserta dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran memasang dan menggunakan sistem teknologi moden akuaponik.
- Peserta dapat mempelajari kaedah menternak hidupan akuatik dan menanam sayuran dengan menggunakan sistem akuaponik.

### Impak

- Menggunakan ruang yang ada semaksima mungkin.
- Sebagai tanda sokongan kepada usaha kerajaan dalam meningkatkan sumber makanan negara.
- Melahirkan petani moden yang lebih berdaya maju, seiring dengan teknologi terkini.
- Menghasilkan produk yang lebih berkualiti dengan kuantiti yang maksima.

2 Julai - 3 September 2022

150 Belia / Remaja

5 Lokasi Sekitar Jerantut

1 Kursus Kemahiran 5 Siri

“**AKUAPONIK** adalah gabungan antara kaedah menternak hidupan akuatik dan bercucuk tanam tanpa menggunakan tanah secara serentak di dalam satu sistem yang bersepadu”



# LAPORAN UNIT PSH

Penulis : Mohd Azman bin Rosli
Pegawai PSH

## Penyertaan KURSUS PENDEK 2022

| BULAN | JUMLAH PESERTA |
|---|---|
| JANUARI | 119 |
| FEBRUARI | 120 |
| MAC | 162 |
| APRIL | 20 |
| MEI | - |
| JUN | 420 |
| JULAI | 306 |
| OGOS | 59 |
| SEPTEMBER | 311 |
| OKTOBER | 230 |
| NOVEMBER | - |
| DISEMBER | 60 |
| **JUMLAH** | **1807 ORANG** |



# LAPORAN UNIT SOKONGAN AKADEMIK

# LAPORAN UNIT PENGAMBILAN

# LAPORAN UNIT PENGAMBILAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Pengambilan

## HARI PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI II 2021/2022

- Pada 1 Mac 2022 bermula jam 9.00 pagi, telah berlangsungnya Hari Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi II 2021/2022 bertempat di Kolej Komuniti Jerantut.
- Seramai lapan (8) orang pelajar baharu telah mendaftar iaitu 3 pelajar daripada Sijil Akuakultur dan 5 pelajar daripada Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan.
- Pengarah Kolej Komuniti Jerantut, Encik Mohd Zool Fazlee bin Basir telah mengadakan taklimat bersama ibu bapa bagi memberi pendedahan kepada mereka tentang sistem kolej komuniti.

*Sekalung tahniah diucapkan buat pelajar yang berjaya menyambung pengajian di Kolej Komuniti Jerantut*

**1 Mac 2022**










# LAPORAN UNIT PENGAMBILAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Pengambilan

## HARI PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI I 2022/2023

**17 Ogos 2022**

- Seramai dua puluh tujuh (27) orang pelajar dari program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan dan tiga belas (13) orang pelajar dari program Sijil Akuakultur telah mendaftar sebagai pelajar Kolej Komuniti Jerantut untuk menyambung pengajian ke peringkat sijil.

*Sekalung tahniah diucapkan buat pelajar yang berjaya menyambung pengajian di Kolej Komuniti Jerantut*











# LAPORAN UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

# LAPORAN UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

Penulis : Mohd Munir bin Zainal Abidin
Pegawai Pembangunan Pelajar

## Majlis Apresiasi PELAJAR DAN STAF KKJP 2022

### 20 Disember 2022

### Objektif

- Menghargai Pencapaian : Majlis ini bertujuan untuk menghargai dan mengiktiraf pencapaian pelajar dan staf Kolej Komuniti Jerantut yang telah mencapai kejayaan akademik, professional dan penglibatan yang luar biasa dalam pelbagai bidang.
- Memberi pengiktirafan : Majlis ini bertujuan untuk memberikan pengiktirafan kepada pelajar dan staf atas usaha keras, komitmen, dan prestasi mereka dalam menyumbang kepada kejayaan kolej dn kejayaan diri sendiri.
- Memotivasi dan mengekalkan semangat : Majlis Apresiasi ini bertujuan untuk memotivasikan pelajar dan staf untuk terus berusaha dan bekerja dengan tekun dalam usaha mencapai matlamat akademik dan profesional yang lebih tinggi.




### Maklumat Program

**Tarikh :**
20 Disember 2022 (Selasa)

**Masa :**
3.00 pm - 5.00 pm

**Penglibatan :**
- Semua Pelajar Semester Akhir
- Semua staf KKJP



# LAPORAN UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

Penulis : Mohd Munir bin Zainal Abidin
Pegawai Pembangunan Pelajar

## *Majlis Apresiasi* PELAJAR DAN STAF KKJP 2022

### GAMBAR SEPANJANG PROGRAM













# LAPORAN UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

Penulis : Mohd Munir bin Zainal Abidin
Pegawai Pembangunan Pelajar

## PEMANTAUAN PROGRAM PEMBIAYAAN PELAJAR TAHUN 2022

**9 November 2022**




### Pengenalan

- Pemantauan ini telah dilaksanakan oleh pegawai daripada Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).
- Pemantauan ini bertujuan menganalisis maklumat bantuan kewangan iaitu Bantuan Kewangan Pendidikan Kolej Komuniti (BKPKK) khususnya di Kolej Komuniti Jerantut.
- Turut terlibat semasa pemantauan adalah Pegawai Pembangunan Pelajar KKJP, Encik Mohd Munir bin Zainal Abidin dan Pegawai Pengambilan Pelajar, Puan Nor Amalina binti Abdullah. Tidak dilupakan juga Timbalan Pengarah Pengurusan, Puan Noradila binti Amrun yang turut hadir bersama sepanjang pemantauan ini.



### *Maklumat Program*

**Tarikh :**
9 November 2022 (Rabu)

**Masa :**
8.00 am - 5.00 pm

# LAPORAN UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

Penulis : Mohd Munir bin Zainal Abidin
Pegawai Pembangunan Pelajar

## PROGRAM SUKARELAWAN BRiSK KK PAHANG 2022 | TREE4LIFE : SUSTAINABILITY WITH NATURE

- **Briged Sukarelawan (BRiSK) Kolej Komuniti Pahang 2022 telah menganjurkan program peringkat Negeri Pahang.**
- **Program ini telah mengumpulkan semua Briged Sukarelawan (BRiSK) Kolej Komuniti Pahang bagi bersama-sama memelihara dan memulihara semula tumbuh-tumbuhan di sekitar kawasan Hospital Bera.**
- **Hasil dari program ini, BRiSK telah berjaya menanam sebanyak 236 batang pokok di sekitar kawasan Hospital Bera.**





*Maklumat Program*

**Tarikh :**
2 November 2022 (Rabu)

**Masa :**
8.00 am - 5.00 pm

**Tempat :**
Hospital Bera



# LAPORAN UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

Penulis : Mohd Munir bin Zainal Abidin
Pegawai Pembangunan Pelajar

## PROGRAM SUKARELAWAN BRiSK KK PAHANG 2022 | TREE4LIFE : SUSTAINABILITY WITH NATURE

### GAMBAR SEPANJANG PROGRAM









# LAPORAN UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

Penulis : Mohd Munir bin Zainal Abidin
Pegawai Pembangunan Pelajar

## PERARAKAN SAMBUTAN KEMERDEKAAN PERINGKAT DAERAH JERANTUT

### 31 OGOS 2022

- **Kontinjen Kolej Komuniti Jerantut telah menyertai Perarakan Sambutan Kemerdekaan Peringkat Daerah Jerantut yang telah diadakan di Padang FA Daerah Jerantut.**
- **Kontinjen ini telah disertai oleh semua Pelajar Sijil Akuakultur dan Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan.**
- **Selain itu, turut hadir bersama adalah Pengarah Kolej Komuniti Jerantut, Encik Mohd Zool Fazlee bin Basir dan Pegawai Pembangunan Pelajar, Encik Mohd Munir bin Zainal Abidin.**










# LAPORAN UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

Penulis : Mohd Munir bin Zainal Abidin
Pegawai Pembangunan Pelajar

## PROGRAM PEMBANGUNAN SUKAN DAN REKREASI | 28 - 30 JUN 2022

### Pengenalan

- Program ini adalah program yang digabungkan dengan beberapa elemen iaitu team building dan motivasi kepada pelajar Kolej Komuniti Jerantut.
- Program ini dirancang adalah untuk menghayati semangat kesukanan serta secara tidak langsung dapat mengekalkan tahap kecergasan pelajar Kolej Komuniti Jerantut secara fizikal dan mental.
- Selain itu, program ini juga bertujuan meningkatkan jati diri pelajar untuk menjadi pelajar yang berdaya saing dan mempunyai ciri-ciri holistik.
- Antara aktiviti yang telah dilaksanakan semasa program ini adalah, memasang khemah, *survival cooking*, sukaneka, latihan kecergasan diri dan aktiviti latihan dalam kumpulan.









# LAPORAN UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

Penulis : Mohd Munir bin Zainal Abidin
Pegawai Pembangunan Pelajar

## PROGRAM TRANSFORMATION WITH 1 SMILE TOGETHER (TW1ST)
## 24 JUN 2022

### Pengenalan

- Program ini adalah anjuran kerjasama di antara Kolej Komuniti Jerantut dan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Daerah Jerantut.
- Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti :
  - Ceramah pergigian
  - Kuiz pergigian
  - Pameran kesihatan gigi
  - Pemeriksaan kesihatan gigi para pelajar KKJP
- Semua pelajar Kolej Komuniti Jerantut telah terlibat dengan program ini dan pemeriksaan kesihatan gigi telah berjaya dilaksanakan kepada semua pelajar Kolej Komuniti Jerantut.

*Maklumat Program*

**Tarikh :**
24 Jun 2022 (Jumaat)

**Masa :**
8.00 am - 12.30 pm










# LAPORAN UNIT PEPERIKSAAN

# LAPORAN UNIT PEPERIKSAAN

Penulis : Nur Ilyana binti Abdullah
Pegawai Peperiksaan

## MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ KOMUNITI NEGERI PAHANG 6 OGOS 2022




Majlis Konvokesyen Negeri Pahang Tahun 2022 diadakan pada 6 Ogos 2022 bertempat di Dewan Utama Majlis Bandaraya Kuantan, Pahang. Ianya bertujuan untuk menyampaikan sijil kepada para graduan kohort 3 dan 4 dari Kolej Komuniti Negeri Pahang serta meraikan kejayaan para pelajar yang telah berjaya menamatkan sesi pengajian masing-masing.





*Dirasmikan Oleh :*

***YBhg. Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar***
***-Ketua Setiausaha-***
***-Kementerian Pengajian Tinggi-***

# LAPORAN UNIT PEPERIKSAAN

Penulis : Nur Ilyana binti Abdullah
Pegawai Peperiksaan

## MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ KOMUNITI NEGERI PAHANG 6 OGOS 2022

### *Maklumat Graduan KKJP 2022*

| KURSUS | KOHORT | BILANGAN GRADUAN |
|---|---|---|
| Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan | Kohort 3 | 1 |

### *Anugerah Pelajar*

| NAMA GRADUAN | KURSUS | ANUGERAH |
|---|---|---|
| Muhammad Izzat Afiq bin Mohd Putra | Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan | Anugerah Pelajar Cemerlang Kohort 3 |










# LAPORAN UNIT PENERANGAN

# LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

## PROGRAM KOMUNITI McDONALD'S & RMHC | 7 JANUARI 2022

Program Komuniti McDonalds RHMC di bawah anjuran McDonalds Jerantut Drive Thru (Pasca Banjir).

Terima kasih diucapkan kepada alumni Kolej Komuniti Jerantut, Encik Muhamad Aizat Najmi yang turut sama memberi khidmat bakti dalam penganjuran program ini.

Tujuannya adalah bagi menghargai jasa frontliners (petugas-petugas barisan hadapan) dan sukarelawan yang membantu mangsa banjir baru-baru ini.

### Jadual Program

Tarikh : 07 Januari 2022

Masa : 8.00 pagi - 2.00 petang

Tempat : Dewan Kuliah, Kolej Komuniti Jerantut

Penglibatan dari : Semua kakitangan Kolej Komuniti Jerantut






# LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

# PERBINCANGAN AKTIVITI KELAB AQUACREW KOLEJ KOMUNITI JERANTUT BERSAMA KOPERASI TUNAS LADA (KOLADA) & PROMOSI KEMASUKAN PELAJAR BAHARU SESI II 2021/2022

Antara pengisian perbincangan adalah aktiviti CSR antara pelajar dan staf Kolej Komuniti Jerantut bersama KOLADA, mempromosikan Pengambilan Pelajar Baharu bagi Sesi II 2021/2022, dan hubungan kolaboratif (coc) antara Kolej Komuniti Jerantut dan KOLADA.

Kehadiran pegawai dari Kolej Komuniti Jerantut telah disambut mesra oleh Pengerusi JKKKK, Tok Empat Haji Mazlan.

Rombongan ini disertai oleh Ketua Program Akuakultur, Pensyarah Akuakultur, Pegawai Pembangunan Pelajar, Pegawai Pengambilan, Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Industri & Alumni.

## Jadual Program

Tarikh : 12 Januari 2022

Masa : 8.00 pagi - 2.00 petang

Tempat : Pusat Pembenihan Ikan Air Tawar, KOLADA, Kampung Ulu Cheka, Jerantut

Bil. Staf : 5 Pegawai





# LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

## LAWATAN KUNJUNGAN BALAS KE SEKOLAH TUNAS BAKTI JERANTUT, PAHANG OLEH UNIT SPK DAN SAR | 18 JANUARI 2022

**Lawatan balas ini adalah bertujuan untuk melihat kemudahan yang terdapat di Sekolah Tunas Bakti (STB) Jerantut bagi melaksanakan kursus yang sesuai untuk dianjurkan oleh Kolej Komuniti Jerantut kepada pelatih-pelatih STB Jerantut.**

**Antara aturcara lawatan kunjungan balas ini adalah sesi taklimat bersama Puan Pengetua STB Jerantut bersama Pengarah Kolej Komuniti Jerantut serta semua pensyarah dan pelajar SPK dan SAR.**








## LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

# PROMOSI PENGAMBILAN PELAJAR DI SMK MERAPOH DAN SMK TENGKU INDRA PETRA 2, GUA MUSANG KELANTAN | 26 JANUARI 2022

Mempromosikan program Sijil Akuakultur Sepenuh Masa (2 tahun pengajian) bersama Cikgu Faizal, Guru MPV Akua dari SMK Merapoh, Kuala Lipis, Pahang dan Cikgu Rohayati, Kaunselor SMK Tengku Indra Petra 2, Gua Musang, Kelantan.

Rombongan diketuai oleh Ketua Program Akuakultur iaitu Puan Farah Diyana binti Mohd Azmi, beserta pensyarah Akuakultur, Pegawai Pengambilan Pelajar dan Pegawai Pembangunan Pelajar.









# LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

## PROMOSI PENGAMBILAN PELAJAR DI MASJID TENGKU MAHKOTA ABDULLAH JERANTUT

### 1 MAC 2022

Kolej Komuniti Jerantut telah membuka booth promosi kolej di Masjid Tengku Mahkota Abdullah, Jerantut sempena sambutan Israk Mikraj 2022 yang dianjurkan oleh pihak masjid.

Turut serta bersama adalah Pengarah Kolej Komuniti Jerantut, Encik Mohd Zool Fazlee bin Basir bersama pensyarah Unit SAR dan SPK serta pelajar-pelajar Sijil Akuakultur dan Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan.



# LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

## PROGRAM TAMAN NEGARA BIRD COUNT KALI KE - 9 2022 JERANTUT, PAHANG
## 11 - 13 MAC 2022

Program Taman Negara Bird Count (TNBC) kali yang ke 9 telah diadakan dan berlangsung sepanjang 3 hari bermula dari 11 Mac hingga 13 Mac 2022 bertempat di Kuala Tahan, Taman Negara Jerantut, Pahang. Program ini juga adalah anjuran bersama diantara Kolej Komuniti Pahang dengan Taman Negara Bird Group Jerantut Pahang.

Jawatankuasa yang turut membantu dalam menjayakan program ini adalah dari Kolej Komuniti Jerantut, Kolej Komuniti Temerloh, Kolej Komuniti Lipis dan Kolej Komuniti Pekan. Disamping itu juga, promosi kemasukan pelajar ke Kolej Komuniti turut dijalankan, memandangkan tempoh Pengambilan dan Pendaftaran Pelajar Baharu bagi Sesi II 2021/2022 masih lagi dibuka kepada semua warga komuniti.








# LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

## KUNJUNGAN HORMAT OLEH PEGAWAI LATIHAN KEM WAWASAN NEGARA MARAN, PAHANG KE KOLEJ KOMUNITI JERANTUT

### 15 MAC 2022




Kunjungan ini diadakan adalah bertujuan bagi memberi penerangan berkaitan dengan Program Kepimpinan Belia kepada para pelajar Kolej Komuniti Jerantut.

Diharapkan program ini berjaya menjadi pencetus dan titik permulaan kepada semua pelajar dalam mengenali dan menyerlahkan potensi diri mereka dan seterusnya mempunyai pelan perancangan kerjaya yang berkesan.





# LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

## SEMINAR KEPIMPINAN BELIA BERINSTITUSI KEPADA PELAJAR KOLEJ KOMUNITI JERANTUT 20 APRIL 2022



Kem Wawasan Negara Maran telah mengadakan Seminar Kepimpinan Belia Berinstitusi kepada para pelajar Kolej Komuniti Jerantut yang bertempat di Dewan Kuliah, KKJP.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk mendapatkan input para pelajar bagi memperkasakan kepimpinan belia negara serta memberi pendedahan berkenaan peranan serta tanggungjawab mereka dalam masyarakat dan pembangunan negara.

Melalui program ini, dapat melahirkan belia yang berilmu dan berwawasan, mempunyai daya kreativiti dan inovasi serta menghayati nilai-nilai murni.

Pengarah Kolej Komuniti Jerantut, Encik Zool Fazlee bin Basir turut sama berbuka puasa bersama-sama dengan kakitangan kolej, kakitangan Kem Wawasan Negara Maran dan juga semua pelajar Kolej Komuniti Jerantut. Ribuan terima kasih diucapkan buat pihak kem untuk juadah berbuka puasa yang dibawa khas dari kem Maran ke Kolej Komuniti Jerantut.



# LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

## PROGRAM KEPIMPINAN BELIA INSTITUT PEMBANGUNAN DAN KECEMERLANGAN KEPIMPINAN (i-LEAD) KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

## 27 - 29 MEI 2022

Aktiviti Outdoor



**Program Kepimpinan Belia ini telah berlangsung selama tiga hari bermula 27 hingga 29 Mei 2022 bertempat di Kem Wawasan Maran, Pahang. Seramai 36 orang pelajar telah terlibat bersama 3 orang pensyarah pengiring.**

**Tentatif program telah dirancang dan disusun oleh pihak Kem Wawasan Maran agar menepati keperluan dan objektif program.**

**Program ini dapat memberi input dan pengalaman kepada semua pelajar terlibat bagi memperkasakan kepimpinan belia negara.**

Program CSR Sungai



Aktiviti pagi



# LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

## PROGRAM KEMASUKAN PELAJAR SEMPENA PROGRAM JERANTUT NATURE RIDE 2022

### 29 MEI 2022




Promosi Kemasukan Pelajar Baharu bagi Sesi I 2022/2023 sempena Program Jerantut Nature Ride 2022 bertempat di Jerantut Feri Waterfront, Pahang pada 29 Mei 2022 (Sabtu).

Peserta Ride adalah dari seluruh Malaysia. Ini adalah salah satu inisiatif Kolej Komuniti Jerantut bagi menguar-uarkan kemasukan pelajar baru ke Kolej Komuniti Jerantut.








# LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

## PROGRAM MALAYSIA-JAPAN FESTIVAL 2022 | 2 - 5 JUN 2022




**Penglibatan dari :**
Semua Pensyarah Sijil Akuakultur, pelajar Sijil Akuakultur, Pegawai Penerangan dan Puan Nor Fauziana binti Mohd Salleh

Pameran Program Malaysia-Japan Festival 2022 sempena ulang tahun ke 40 Dasar Pandang ke Timur bertempat di Malaysia Tourism Centre.




Pengunjung boleh beramah mesra bersama wakil Kolej Komuniti Jerantut di booth pameran.

Setiausaha Bahagian Dasar Kebudayaan MOTAC, Dr. Tan Awang Besar membuat lawatan ke booth Kolej Komuniti Jerantut di Malaysian Japan Festival 2022 di MaTiC Kuala Lumpur.





# LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

## LAWATAN DELEGASI THAILAND, SUNGAI KOLOK INDUSTRIAL & COMMUNITY EDUCATION COLLEGE KE KOLEJ KOMUNITI JERANTUT | 6 JUN 2022




Lawatan ini bertujuan untuk memperkukuhkan hubungan kerjasama dua hala di antara kedua-dua institusi.

Delegasi bersama Pengarah Kolej Komuniti Jerantut, Encik Mohd Zool Fazlee bin Basir dibawa melawat ke Bengkel Teknologi Ternakan Akuakultur bagi melihat aktiviti akuakultur yang dijalankan oleh para pelajar Sijil Akuakultur seperti penternakan benih ikan air tawar, penternakan ikan hiasan dan akuascape.

Selain itu, delegasi juga dibawa ke Makmal Bakeri, Makmal Penyediaan dan Makmal Pemprosesan bagi melihat mesin, peralatan serta produk-produk yang dihasilkan oleh pelajar semasa amali dijalankan.

Para pelajar juga turut serta dalam sesi ramah mesra bersama delegasi Thailand. Turut serta adalah warga Kolej Komuniti Jerantut serta rombongan delegasi yang lain.











# LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

## PROMOSI SEMPENA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL PEPERIKSAAN MALAYSIA (SPM 2021)

**16 JUN 2022**






Kolej Komuniti Jerantut mengambil peluang melakukan gerak kerja promosi ke 10 buah sekolah terpilih sekitar Daerah Jerantut sempena keputusan SPM 2021. Syabas dan tahniah kepada semua calon yang menerima keputusan SPM 2021.

Team Promosi Kolej Komuniti Jerantut berada di :

- SMK Jerantut, SMK Inderapura, SMK Jengka Pusat 2, SMK Temin, SMK PPPTR, SMK Padang Piol, SMK Kuala Tembeling, SMK Damak, SMK Pulau Tawar dan SMK Sg Retang.








# LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

## PROMOSI PENGAMBILAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI JERANTUT DI FELDA JENGKA 25







### 22 JULAI 2022

Jelajah promosi dari wakil kumpulan C yang terdiri daripada Puan Zubaydah binti Mohd Yasin dan Puan Nor Amalina binti Abdullah telah menjelajah ke Felda Jengka 25.

Kumpulan C telah mengedarkan flyers serta menguar-uarkan mengenai pengambilan pelajar baharu Sesi I 2022/2023.

Usaha ini diharapkan dapat memberi ruang dan peluang kepada belia-belia untuk menyambung pengajian di Kolej Komuniti Jerantut.

Jelajah terus kepada SDA (Pembantu Pembangunan Masyarakat) Jengka 25 iaitu Puan Mastura Hannani binti Mansor. Melalui promosi ini dapat memperkenalkan Kolej Komuniti Jerantut kepada masyarakat setempat.

## KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH KOLEJ KOMUNITI JERANTUT KE ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM) DAERAH JERANTUT

### 26 JULAI 2022

Kunjungan hormat Pengarah Kolej Komuniti jerantut, Encik Mohd Zool Fazlee bin Basir kepada Kapten (PA) Muszaidi bin Musa, Pegawai Pertahanan Awam Daerah Jerantut.

Turut mengiringi Tuan Pengarah dalam kunjungan tersebut, Dr. Mohd Redzwan bin Abdul Mutalib dan Puan Nor Fauziana binti Mohd Salleh yang merupakan penyelaras Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) Kolej Komuniti Jerantut.

Kunjungan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim di antara pihak kolej dan APM serta membincangkan secara ringkas hal-hal berkaitan PISPA dan Pegawai Bersekutu.






## LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

# MAJLIS RAMAH MESRA PENGARAH KOLEJ KOMUNITI JERANTUT BERSAMA PENGHULU DAERAH JERANTUT | 27 JULAI 2022

Majlis Ramah Mesra ini telah dihadiri oleh Penghulu Daerah Jerantut iaitu :

1. Tuan Mohd Zahar bin Wahid, AMP., PKC. - Penghulu Mukim Pedah
2. Tuan Mohd Khaidir bin Shamsudin - Penghulu Mukim Tembeling Tengah
3. Tuan Zulkefly bin Zaadun Zabir - Penghulu Mukim Tebing Tinggi
4. Tuan Abd Shukur bin Hj. Jamaluddin - Penghulu Mukim Burau / Kelola
5. Tuan Efendi bin Abdul Razak - Penghulu Mukim Teh
6. Tuan Khairul Akhma bin Yusof - Penghulu Mukim Hulu Cheka

Antara pengisian majlis adalah memperkenalkan Kolej Komuniti Jerantut disamping mempromosikan pengambilan pelajar sesi I 2022/2023. Perbincangan program bersama komuniti bagi membantu penambahan norma pengambilan pelajar Kolej Komuniti Jerantut. Semoga perkongsian yang diberikan, bermanfaat untuk semua dan mengeratkan lagi hubungan antara pihak kolej bersama Penghulu Daerah Jerantut.









## LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

# PROMOSI PENGAMBILAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI JERANTUT DI FELDA JENGKA 24

### 27 JULAI 2022



Promosi di Pejabat FELDA Jengka 24 bersama wakil Pengurus Felda Jengka 24, Encik Abdul Jalil bin Abu Hassan dan Pengerusi Belia Jengka 24, Cik Nurul Nadiah binti Ahmad.





Perjumpaan bersama Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Jengka 24, Puan Sharifah binti Nor dan Kaunselor, Puan Nor'ashikin binti Mohamad. Team promosi kolej turut dibawa melawat ke Bengkel ERT bersama guru ERT sekolah.




Hebahan informasi program pengajian di papan kenyataan Masjid Assobirin Felda Jengka 24 dan hebahan informasi program pengajian di Pusat Internet Felda Jengka 25.





# LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

## PROMOSI PENGAMBILAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI JERANTUT DI ESTET IKAN PAYA CHEMPAKA, LANCHANG | 31 JULAI 2022




Pegawai bertugas :

1. Encik Mohamad Shamsul bin Sapari
2. Encik Mohd Munir bin Zainal Abidin
3. Encik Mohd Saiful Zairy bin Mohd Zaidi
4. Encik Mazlan bin Hashim
5. Puan Nor Fauziana binti Mohd Salleh

Turut hadir bersama Pengarah Kolej Komuniti Jerantut, Encik Mohd Zool Fazlee bin Basir. Promosi Pengambilan pelajar ini diadakan sempena Pesta Menangkap Ikan di Estet Ikan Paya Chempaka, Lanchang.











# LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

## LAWATAN ILMIAH KE MALAYSIA AGROCULTURE, HORTICULTURE AND AGROTOURISM (MAHA) 2022 | 11 OGOS 2022









Seramai 5 orang staf Kolej Komuniti Jerantut telah menyertai aktiviti Lawatan Ilmiah ke MAHA 2022, Serdang bagi tujuan mendapatkan pendedahan dan perkembangan industri agro yang terkini serta menambah ilmu pengetahuan melalui pameran-pameran yang dijalankan oleh pelbagai kementerian / agensi di seluruh negara.

## PROGRAM JELAJAH PERIKANAN PAHANG BARAT 2022 | 25 OGOS 2022

*"Moh Makan Ikan Air Tawar"*

Antara pengisian program ini adalah Taklimat myGAP, Demonstrasi Pemprosesan Ikan Pekasam, Pertandingan Masakan Ikan Air Tawar dan pameran daripada pelbagai agensi pertanian.
Program ini dirasmikan oleh YB. Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris, Ahli Parlimen Jerantut.
Turut hadir bersama pelajar Sijil Akuakultur Semester 1, 2 dan 3 bagi memeriahkan dan menimba ilmu pengetahuan melalui program ini.




Encik Ahmad Sabre bin Osman dan Puan Ainin Faizah binti Alias, pensyarah Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan telah dijemput sebagai juri pertandingan Memasak Ikan Air Tawar.



# LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

## HARI TERBUKA PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JERANTUT TAHUN 2022

### 27 & 28 OGOS 2022

Kolej Komuniti Jerantut dijemput untuk memberi taklimat kepada pelajar tingkatan 4 dan 5 yang melibatkan sekolah menengah di Daerah Jerantut disamping membuka booth sepanjang program ini berlangsung selama dua (2) hari. Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan sepanjang hari terbuka ini.











## HARI TERBUKA BERSAMA PUSAT EKONOMI DIGITAL KELUARGA MALAYSIA JERANTUT FERI | 14 SEPTEMBER 2022

PEDi merupakan projek kerajaan dengan inisiatif oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan memberi fokus kepada pemberian perkhidmatan ICT kepada komuniti tempatan di kawasan luar bandar.

Pada hari terbuka ini, Jawatankuasa Hari Bersama Komuniti 2022 telah menjemput Kolej Komuniti Jerantut untuk mengadakan pameran dan dua (2) wakil staf dari kolej untuk menjadi juri sempena Pertandingan Menu Sihat dan Gubahan Barangan Terpakai.










# LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

## PAMERAN SEMPENA HARI BELIA NEGARA 2022 PERINGKAT DAERAH JERANTUT
### 24 SEPTEMBER 2022




Pejabat Belia dan Sukan Daerah Jerantut bersama Majlis Belia Daerah Jerantut telah melaksanakan Hari Belia Negara 2022 Peringkat Daerah Jerantut. Kolej Komuniti Jerantut telah dijemput untuk mengadakan pameran pada hari tersebut.






## TAKLIMAT PENGAMBILAN PELAJAR SEMPENA MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN DAN TINDAKAN MUKIM TEBING TINGGI | 28 SEPTEMBER 2022

Kolej Komuniti Jerantut telah diberi peluang untuk memberi taklimat mengenai pengambilan pelajar sepenuh masa program Sijil Akuakultur dan Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan serta kursus pendek bagi Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di kolej kepada barisan Pengurusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Mukim Tebing Tinggi, Jerantut pada 28 September 2022 (Rabu) sempena Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan dan Tindakan Mukim Tebing Tinggi.



Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Puan Nor Amalina binti Abdullah, Pegawai Pengambilan / Penerangan Kolej Komuniti Jerantut. Turut hadir Timbalan Pengarah Pengurusan, Puan Noradila binti Amrun dan Pensyarah Sijil Akuakultur, Encik Mohamad Shamsul bin Sapari



# LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

## PROGRAM PAMERAN KERJAYA BERSAMA FINCO PERINGKAT NEGERI PAHANG DI DEWAN TEKAM BESTARI, SMK PPP TUN RAZAK, JERANTUT

### 6 OKTOBER 2022

Unit Bimbingan Kaunseling Sekolah Menengah Kebangsaan Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak (SMK PPPTR) menganjurkan program pameran kerjaya. Program ini bertujuan untuk mendedahkan latar belakang bidang kerjaya murid selepas alam persekolahan tentang kursus-kursus yang ditawarkan dan syarat-syarat untuk kerjaya. Oleh itu, Kolej Komuniti Jerantut dijemput untuk mengadakan pameran Aquascape pada hari tersebut.






## PROMOSI PENGAMBILAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI JERANTUT DI SMK KUALA KRAU

### 13 OKTOBER 2022

Kolej Komuniti Jerantut turut menyertai Karnival Keusahawanan dan Kokuria Peringkat Sekolah yang dirasmikan oleh Tuan Haji Mansor bin Ab. Rahman, AMP., PKT, Pengerusi Angkasa Negeri Pahang Zon 2.

Peserta terlibat :

1. Puan Nor Amalina binti Abdullah
2. Puan Nurul Afza binti Abdul Malik
3. Cik Nurul Fatihah Ayuni binti Rosli
4. Cik Nur Aisyah Najwa binti Haziz




Produk dimsum dan kuah rojak keluaran Unit Keusahawanan Kolej Komuniti Jerantut turut diperkenalkan. Terdapat dua (2) jenis perisa dimsum iaitu cendawan dan tomyam.





# LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

## PROMOSI PENGAMBILAN PELAJAR DI PEDi FELDA JENDERAK SELATAN | 15 OKTOBER 2022

PEDi merupakan projek kerajaan dengan inisiatif oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan memberi fokus kepada pemberian perkhidmatan ICT kepada komuniti tempatan di kawasan luar bandar. Program Hari Bersama ini bertujuan untuk merapatlan PEDi dengan komuniti setempat, disamping ingin memperkenalkan PEDi sebagai tempat rujukan komuniti, mesra ICT dan pusat bimbingan usahawan komuniti setempat.




Kolej Komuniti Jerantut turut menyertai Hari Bersama Komuniti PEDi 2022 dengan memberi taklimat dan membuka booth pameran bagi mempromosikan sijil sepenuh masa yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar lepasan SPM.








# LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

## PROGRAM HARI GALA INDERACHEKA DI PADANG AWAM ULU CHEKA, JERANTUT, PAHANG
### 29 OKTOBER 2022

**Program Hari Gala Inderacheka ini bertujuan mengeratkan hubungan diantara agensi-agensi yang terlibat dengan pihak masyarakat dan pengunjung program selain mempromosikan produk pelancongan yang berada di Mukim Hulu Cheka, khususnya di Kampung Ulu Cheka. Pada sebelah malam pula, diadakan tayangan perdana hasil penggambaran produk pelancongan Mukim Hulu Cheka yang melibatkan tradisi dan warisan kebudayaan, selain panorama indah yang terdapat di Kampung Ulu Cheka.**

**Kolej Komuniti Jerantut dijemput untuk mengadakan pameran disamping menunjukkan demonstrasi bebola ikan dan demonstrasi aquascape oleh pensyarah-pensyarah kolej. Selain itu, pengunjung juga boleh menyertai teka silang kata dan aqua fun game untuk memenangi hadiah menarik yang telah disediakan.**









# LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

## PAMERAN SEMPENA PROGRAM HARI TERBUKA KARNIVAL KERJAYA DAN PELANCARAN “MOH GO GREEN” KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH

**2 NOVEMBER 2022**



Kolej Komuniti Jerantut dijemput untuk mengadakan pameran mengenai program yang ditawarkan disamping membuat jualan dimsum oleh pelajar Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan.

Pegawai yang terlibat :

1. Puan Nor Amalina binti Abdullah
2. Puan Nur Liyana binti Rusli
3. Puan Nor Fauziana binti Mohd Salleh

## DEMONSTRASI AQUASCAPE 2022 DI SMK SERI SEMANTAN | 10 NOVEMBER 2022

**Unit Akuakultur Kolej Komuniti Jerantut telah mengadakan Demonstrasi Aquascape 2022 yang melibatkan semua pelajar Tingkatan 4 & 5 yang mengambil MPV Akuakultur di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Semantan.**
**Demonstrasi ini diadakan adalah untuk memupuk minat para pelajar terhadap bidang Akuakultur melalui perkongsian ilmu Aquascape dan ikan hiasan. Selain itu, program ini dapat menggalakkan para pelajar untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi khususnya dalam bidang Akuakultur.**



# LAPORAN UNIT PENERANGAN

Penulis : Nor Amalina binti Abdullah
Pegawai Penerangan

## SESI RAMAH MESRA PENGARAH KOLEJ KOMUNITI JERANTUT | 6 DISEMBER 2022

Sesi ramah mesra Pengarah Kolej Komuniti Jerantut, Encik Mohd Zool Fazlee bin Basir bersama Puan Nor Rasidah binti Osman, pemilik Anak Dol Pizza Jerantut. Tujuan sesi ramah mesra ini diadakan adalah untuk membincangkan jalinan kerjasama yang boleh diwujudkan di masa akan datang. Semoga dengan kerjasama ini akan lebih memajukan pihak Kolej Komuniti Jerantut dan memberi impak yang positif buat kedua-dua pihak.










# LAPORAN UNIT KEUSAHAWANAN

# LAPORAN UNIT KEUSAHAWANAN

Penulis : Nurul Afza binti Abdul Malik
Pegawai Keusahawanan

# PROGRAM BUSINESS INNOVATION AND PITCHING COMPETITION (BIPC) 2022 - INNOVATE YOUR BUSINESS | 14 - 15 JUN 2022

Program Business Innovation and Pitching Competition (BIPC) 2022 - Innovation Business merupakan pertandingan inovasi keusahawanan di peringkat kebangsaan khusus kepada para pelajar seluruh Politeknik dan Kolej Komuniti bagi melatih dan menguji kemantapan idea atau produk / perkhidmatan selain kemantapan didalam melakukan pembentangan idea mereka anjuran Kolej Komuniti Kuala Langat.

Program ini memberi pendedahan kepada penyediaan video pitching yang selari dengan IR 4.0, menilai idea / produk / perkhidmatan melalui aplikasi Business Model Canvas (BMC). Selain itu, program ini juga dapat melatih peserta melakukan business pitching yang berkualiti dan melahirkan peserta yang berkeyakinan tinggi.

14 hingga 15 Jun 2022
(8.00 pagi - 5.00 petang)

Atas Talian

Bilangan pelajar : 7 orang






# LAPORAN UNIT KEUSAHAWANAN

Penulis : Nurul Afza binti Abdul Malik
Pegawai Keusahawanan

## PROGRAM INNOVATION, TECHNOLOGY GRANT & PITCHING (ITGP) 2022

### 8 SEPTEMBER 2022




Program Innovation, Technology Grant & Pitching (ITGP) anjuran bersama Unit Keusahawanan PolyCC Negeri Pahang.

Program ini memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan proses pemantapan idea perniagaan serta teknik komunikasi berkesan di dalam perniagaan melalui penghasilan Business Model Canvas (BMC)

8 September 2022
(8.00 pagi - 5.00 petang)

Tempat : Kolej Komuniti Bentong

Bilangan pelajar : 2 orang





# LAPORAN UNIT KEUSAHAWANAN

Penulis : Nurul Afza binti Abdul Malik
Pegawai Keusahawanan

## PROGRAM LATIHAN PENGUPAYAAN PEMASARAN DIGITAL USAHAWAN NEGERI PAHANG (SLOT HANDS ON TRAINING) | 21 OGOS 2022



Program Latihan Pengupayaan Digital Negeri Pahang. Kerajaan Negeri Pahang melalui Pahang Corporation Management Services Sdn. Bhd (PCMS) dan Pahang GO mengambil inisiatif dengan usahasama bersama MYNIC.

Program ini membantu meningkatkan penglibatan perniagaan di E-commerce dengan menaik taraf MSME di Pahang bagi mendapatkan kemahiran melakukan perniagaan dari *offline* ke *online* supaya mereka dapat meningkatkan jualan dan bertahan dalam jangka masa yang panjang.

21 Ogos 2022
(8.00 pagi - 5.00 petang)

Tempat : Hotel Darul Makmur, Jerantut, Pahang

Bilangan pelajar : 7 orang







# LAPORAN UNIT KEUSAHAWANAN

Penulis : Nurul Afza binti Abdul Malik
Pegawai Keusahawanan

## KURSUS ASAS KEUSAHAWANAN DAN PASARAN DIGITAL | 7 OKTOBER 2022

Kursus Asas Keusahawanan dan Pasaran Digital dianjurkan oleh Unit Keusahawanan Kolej Komuniti Jerantut dan disampaikan oleh Cik Aimi Mursilah binti Abdul Munain.

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar Kolej Komuniti Jerantut berkenaan persediaan sebelum memulakan perniagaan dan pembukaan akaun Shopee yang semakin popular kini.

7 Oktober 2022
(9.00 pagi - 1.00 petang)

Tempat : Dewan Kuliah, Kolej Komuniti Jerantut

Bilangan pelajar : 63 orang










# LAPORAN UNIT KEUSAHAWANAN

Penulis : Nurul Afza binti Abdul Malik
Pegawai Keusahawanan

## PROGRAM PEMERKASAAN PERNIAGAAN E-COMMERCE- E-BAY, ETSY, TIKTOK DAN SHOPEE | 17 - 20 OKTOBER 2022

Program Pemerkasaan Perniagaan E-commerce- E-Bay, Etsy, Tiktok dan Shopee adalah program pelan jana semula ekonomi negara bagi graduan Politeknik dan Kolej Komuniti anjuran PolyCC Pahang.

Kursus ini memberi pendedahan dan memupuk minat pelajar atau graduan dalam menerokai bidang perniagaan secara e-dagang melalui perniagaan E-commerce iaitu E-bay, Etsy, Tiktok dan Shopee.

17 - 20 Oktober 2022
(8.00 pagi - 11.00 malam)

Tempat : Sri Manja Boutique Hotel, Kuantan, Pahang

Bilangan pelajar : 8 orang








# LAPORAN FESTIVAL AGRO MAKANAN DAN BIOTEKNOLOGI (FAMB)

**LAPORAN FAMB**

Penulis : Nurul Afza binti Abdul Malik
Penyelaras FAMB

# FESTIVAL AGRO MAKANAN DAN BIOTEKNOLOGI (FAMB) 2022 DI POLITEKNIK JELI, KELANTAN

## 27 - 29 SEPTEMBER 2022

27 - 29 September 2022
(8.00 pagi - 5.00 petang)

Tempat : Politeknik Jeli, Kelantan

Bilangan pelajar : 12 orang

Program FAMB merupakan program yang diadakan setiap tahun yang dianjurkan oleh Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Kolej Komuniti Jerantut telah menghantar 4 kumpulan yang terdiri daripada pelajar Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan dan Sijil Akuakultur bersama pensyarah pembimbing.

Pencapaian adalah seperti berikut :

**Emas (3 kumpulan)**

a) **Potato Chicken** - Tuan Nazreen Sofea binti Tuan Yusof, Erna Natasha Amira binti Ahmad Zaki, Normadila binti Abas, pensyarah pembimbing, Puan Nurul Afza binti Abdul Malik.

b) **Patty Hampas Soya** - Nur Adriana binti A.Rosle, Siti Aminatul Najwa binti Zainal Abidin, Nur Saidatul Nafisha binti Muhamad Sanusi, pensyarah pembimbing, Puan Noraihan binti Ahmad@ Mohamad.

c) **Crispy Fish Coconut Burger** - Nur Iman bin Khalid, Muhammad Haziq bin Saupi, Ahmad Asyraf bin Zamri, pensyarah pembimbing, Encik Mohd Saiful Zairy bin Mohd Zaidi.

**Gangsa (1 kumpulan)**

a) **Okara Fish Patty**- Artierah A/P Arman, Nuryn Irdyna binti Mohd Affendy, Anis Maisarah binti Mohd Zaidi, pensyarah pembimbing, Puan Farah Diyana binti Mohd Azmi.





# LAPORAN FAMB

Penulis : Nurul Afza binti Abdul Malik
Penyelaras FAMB

# FESTIVAL AGRO MAKANAN DAN BIOTEKNOLOGI (FAMB) 2022 DI POLITEKNIK JELI, KELANTAN

## 27 - 29 SEPTEMBER 2022
















# LAPORAN UNIT LATIHAN DAN PEMBANGUNAN STAF

# LAPORAN UNIT LATIHAN & PEMBANGUNAN STAF

Penulis : Ainin Faizah binti Alias
Pegawai Latihan & Pembangunan Staf

## BENGKEL PENINGKATAN KUALITI BERTERUSAN (CQI) | 9 JANUARI 2022

- Bengkel ini memfokuskan tentang penulisan item berkualiti dan CQI.
- Para pensyarah didedahkan dengan contoh penilaian subjek bagi mengenalpasti penambaikan yang boleh dilaksanakan terhadap item-item penilaian tersebut.
- Diharapkan kualiti pembelajaran dan pengajaran di Kolej Komuniti Jerantut akan bertambah baik dan cemerlang.
- Penceramah kursus : Encik Ahmad Sabre bin Osman (Pensyarah Kanan & Ketua Program Unit SPK, KKJP)








## BENGKEL PELAKSANAAN DAN PEMURNIAN SISTEM PENASIHAT AKADEMIK (SPAK) KOLEJ KOMUNITI JERANTUT | 20 JANUARI 2022

- Bengkel ini untuk memberi pengukuhan kepada Penasihat Akademik tentang pengurusan dan pelaksaan SPAK.
- Perkongsian amalan terbaik pelaksanaan SPAK di kolej komuniti.
- SPAK adalah usaha untuk membantu pelajar membina personaliti unggul bagi mencapai kecemerlangan akademik, kemahiran generik dan kesediaan kendiri dalam kerjaya.
- Penceramah kursus : Puan Nurulizzah binti Idris (Penyelaras SPAK, KKJP)





# LAPORAN UNIT LATIHAN & PEMBANGUNAN STAF

Penulis : Ainin Faizah binti Alias
Pegawai Latihan & Pembangunan Staf

## BENGKEL INTERPRETASI KURIKULUM DAN PEMANTAPAN OUTCOMES BASED EDUCATION (OBE)

### 25 JANUARI 2022



- ⇒ Pendedahan tentang pembelajaran berasaskan hasil (OBE) yang menjurus kepada pencapaian OP(PEO), HPP(PLO) dan HPK(CLO).
- ⇒ Pemahaman tentang setiap kategori yang terkandung dalam OP(PEO), HPP(PLO) dan HPK(CLO).
- ⇒ Pensyarah diberi bimbingan tentang kaedah yang tepat dalam pembangunan soalan pentaksiran berterusan berdasarkan kurikulum baharu yang terkini.
- ⇒ Penceramah kursus : Encik Ahmad Sabre bin Osman (Penggubal Kurikulum & Ketua Program Unit SPK, KKJP).

## BENGKEL ANDRAGOGI UNTUK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN | 3 FEBRUARI 2022

- ⇒ Menambah baik kemahiran pensyarah dalam membimbing dan memberi pendidikan kepada golongan pelajar yang lebih dewasa.
- ⇒ Memantapkan peribadi pensyarah dalam pembangunan intelek, peningkatan kemahiran kerja dan pengukuhan sikap serta nilai.
- ⇒ Melahirkan pensyarah yang bersemangat tinggi dalam menggalakkan pelajar memberi pandangan dan idea kreatif.
- ⇒ Penceramah kursus : Dr. Ustaz Mohd Redzwan bin Abdul Mutalib (Pensyarah Kanan & Ketua Unit Pengajian Am, KKJP)



# LAPORAN UNIT BELIA DAN SUKAN

# LAPORAN UNIT BELIA DAN SUKAN

Penulis : Muhammad Muizzulihab bin Morsid
Pegawai Sukan

## KEJOHANAN PETANQUE DAN WOODBALL 2022 | 16 - 20 MAC 2022

**Unit Belia dan Sukan KKJP telah menyertai Kejohanan Petanque & Woodball 2022 peringkat Kebangsaan. Pasukan KKJP adalah salah satu pasukan dibawah Kolej Komuniti Pahang.**






Seramai empat (4) orang pelajar KKJP selaku Atlet Woodball telah dipilih oleh Pegawai Belia dan Sukan, Encik Mohd Munir bin Zainal Abidin untuk menyertai kejohanan ini :

1. Nur Iman bin Khalid (SAR 2)
2. Mohammad Yusril Ayub bin Kaharuddin (SAR 1)
3. Nurul Aini binti Rosli (SPK 2)
4. Efarhana Aishah binti Salim (SPK 2)

16 - 20 Mac 2022
(8.00 pagi - 5.00 petang)

Tempat : Politeknik Banting, Selangor

Bilangan pelajar : 4 orang

## LAPORAN UNIT BELIA DAN SUKAN

Penulis : Muhammad Muizzulihab bin Morsid
Pegawai Sukan

# KEJOHANAN BADMINTON PROGRAM KOMUNITI BEBAS DADAH (SKUAD ANTIDADAH) PERINGKAT DAERAH JERANTUT | 3 SEPTEMBER 2022






Pasukan badminton KKJP telah menyertai Kejohanan Badminton Komuniti Bebas Dadah Peringkat Daerah Jerantut. Kejohanan ini telah dilaksanakan di Pusat Latihan Pengajian Tinggi (ADTEC), Jerantut bertarikh 3 September 2022.

Kejohanan ini juga telah disertai oleh beberapa agensi yang lain seperti AADK Jerantut, Giat Mara Jerantut dan ADTEC Jerantut. Dalam kejohanan ini, pasukan KKJP telah berjaya merangkul Pingat Emas bagi Kategori Regu Wanita, yang dianggotai oleh Saudari Nur Suhana dan Saudari Nur Fatin Syazwani.

Selain itu, ditempat ke-4 Kategori Regu Wanita dimenangi oleh Saudari Erna Natasha dan Saudari Khairunnisha.











# LAPORAN UNIT BELIA DAN SUKAN

Penulis : Muhammad Muizzulihab bin Morsid
Pegawai Sukan

## KEJOHANAN SUKAN KOLEJ KOMUNITI PAHANG 2022 (BOLA TAMPAR)
### 15 SEPTEMBER 2022

Pasukan bola tampar KKJP telah mengikuti kejohanan sukan bola tampar yang telah dianjurkan oleh Kolej Komuniti Kuantan. Bagi kejohanan kali ini, pihak KKJP dan Pegawai Sukan berhasrat untuk membawa pulang pingat kerana latihan secara berkala telah dijalankan bersama pelajar dan kakitangan. Oleh yang demikian semangat sukan yang membara telah dibawa ke kejohanan ini.

Pasukan KKJP telah menghantar pasukan bola tampar bagi kategori staf dan kategori pelajar. Bagi kategori staf, KKJP telah berjaya merangkul pingat Gangsa. Manakala bagi kategori pelajar, KKJP telah berjaya merangkul pingat Perak.

15 September 2022
(8.00 pagi - 5.00 petang)

Tempat : Gelanggang Bola Tampar Bukit Rangin, Kuantan

Bilangan pelajar : 10 orang











# LAPORAN UNIT BELIA DAN SUKAN

Penulis : Muhammad Muizzulihab bin Morsid
Pegawai Sukan

## KEJOHANAN PING PONG DAN SEPAK TAKRAW KOLEJ KOMUNITI PAHANG 2022

**20 SEPTEMBER 2022**

Kolej Komuniti Jerantut telah menghantar tiga (3) orang kakitangan bagi mewakili Kejohanan Ping Pong dan Sepak Takraw Kolej Komuniti Pahang 2022 yang diadakan di Kolej Komuniti Paya Besar.





Pihak kolej bersama Pegawai Belia dan Sukan, Encik Mohd Munir bin Zainal Abidin berjaya merangkul pingat Perak bagi kejohanan ini. Unit Belia dan Sukan sangat prihatin terhadap aktiviti sukan di mana-mana peringkat kejohanan. Latihan ping pong diadakan di Dewan Kuliah KKJP dan dibuka pada bila-bila masa sahaja. Bagi kakitangan dan pelajar, Beregu Staf Lelaki :

Naib Johan

1. Encik Mohd Zool Fazlee bin Basir
2. Encik Mohd Munir bin Zainal Abidin

Peringkat Kumpulan : Encik Ahmad Sabre bin Osman

## KEJOHANAN SUKAN TVET PAHANG 2022 DI INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI BELIA NEGARA (IKTBN)

**8 OKTOBER 2022**

Kejohanan Sukan TVET Pahang 2022 telah berlangsung di Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), Temerloh. Oleh itu, Unit Belia dan Sukan tidak ingin terkecuali dalam menghantar atlet dari pihak KKJP kerana atlet-atlet ini merupakan atlet yang aktif dalam sukan.



Pelajar Kolej Komuniti Jerantut yang terpilih bagi mewakili pasukan Bola Tampar Kolej Komunti Pahang adalah :

1. Muhammad Syahmi bin Zafaruddin (SAR 1)
2. Ahmad Firdaus bin Hasanudin (SAR 1)




Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), Temerloh

Bilangan pelajar : 2 orang

# LAPORAN UNIT BELIA DAN SUKAN

Penulis : Muhammad Muizzulihab bin Morsid
Pegawai Sukan

## KLINIK ASAS PETANQUE
## KOLEJ KOMUNITI JERANTUT | 19 OKTOBER 2022




Sukan Petanque merupakan antara sukan yang terkenal di Malaysia. Sehubungan itu, Unit Belia dan Sukan telah mengadakan Klinik Asas Petanque kepada pelajar KKJP supaya pelajar dapat memahirkan diri dalam sukan ini.

Program ini dilaksanakan selama dua (2) jam dengan memberi penerangan tentang peralatan sukan petanque, kaedah kira mata dan kesalahan dalam sukan petanque. Minat pelajar dalam sukan perlu dipupuk supaya mereka lebih aktif untuk bergiat dalam sukan.



# LAPORAN UNIT BELIA DAN SUKAN

Penulis : Muhammad Muizzulihab bin Morsid
Pegawai Sukan

# KEJOHANAN LIGA FUTSAL PUSAT KECEMERLANGAN BAKAT ATLET (PKBAT) 2022

## 3 NOVEMBER 2022

Gelanggang Futsal, Kompleks Sukan Komuniti Felda, Mempaga, Bentong, Pahang

Bilangan pelajar : 4 orang



**Kejohanan Liga Futsal Pusat Kecemerlangan Bakat Atlet (PKBAT) 2022 telah diadakan di Gelanggang Futsal, Kompleks Sukan Komuniti Felda, Mempaga, Bentong, Pahang. Pegawai Belia dan Sukan baharu, Encik Muhammad Muizzulihab bin Morsid bersama Pegawai Hal Ehwal Pelajar baharu, Encik Mohd Munir bin Zainal Abidin telah membawa pasukan futsal KKJP bagi memberikan saingan kepada pasukan kolej komuniti yang lain.**

Seramai sembilan (9) orang pelajar KKJP telah menyertai kejohanan yang diadakan ini.

Senarai Pelajar :

1. Khairul Azfar (SPK 3)
2. Muhamad Danial Muszairy (SPK 3)
3. Muhammad Jafni Arif (SPK 3)
4. Muhammad Syahmi (SAR 1)
5. Mohammad Yusril Ayub (SAR 2)
6. Azzarulquzzaimy (SAR 2)
7. Nur Iman (SAR 3)
8. Muhamamd Haziq Ikhwan (SAR 3)
9. Muhammad Arif Akmal (SAR 1)

# LAPORAN UNIT BELIA DAN SUKAN

Penulis : Muhammad Muizzulihab bin Morsid
Pegawai Sukan

## PROGRAM TAWAN PUNCAK GUNUNG DATO 2022 | 27 NOVEMBER 2022

Aktiviti sukan dalaman KKJP adalah pelbagai, oleh yang demikian Pegawai Belia dan Sukan, Encik Muhammad Muizzulihab bin Morshid dan Pegawai Hal Ehwal Pelajar, Encik Mohd Munir bin Zainal Abidin telah menjalankan program pendakian ke Gunung Dato pada 27 November 2022.

Masa diambil untuk sampai ke puncak adalah dua (2) jam. Oleh yang demikian, pelajar KKJP boleh menyahut cabaran pendakian ini pada masa akan datang supaya tahap kecergasan setiap pelajar KKJP berada pada tahap optimum. Minat sukan bagi setiap individu adalah berbeza, justeru bagi menambah minat sukan dalam jiwa pelajar KKJP, Unit Belia dan Sukan sentiasa mencari cabaran baru buat pelajar.




## PROGRAM LETS ZUMBA GHODONG (WANITA) 2022 | 6 DISEMBER 2022




Selain menyertai kejohanan sukan Pahang, program sihat lain turut diadakan oleh Unit Belia dan Sukan KKJP. Program Zumba ini dilaksanakan buat julung kalinya di KKJP kerana permintaan yang tinggi dari pelajar dan kakitangan wanita KKJP.

Program ini dilaksanakan selama satu jam sahaja bagi memberi peluang kepada pelajar dan kakitangan wanita untuk mendapat rehat yang cukup selepas program dijalankan.



# LAPORAN UNIT BELIA DAN SUKAN

Penulis : Muhammad Muizzulihab bin Morsid
Pegawai Sukan

## PROGRAM MOH KITA SELOKA | 19 DISEMBER 2022

Selain tahap kesihatan fizikal, Unit Belia dan Sukan juga sangat mementingkan tahap kesihatan mental bagi setiap pelajar dan kakitangan KKJP. Justeru program Moh Kita Seloka telah dijalankan buat tiga puluh (30) orang kakitangan KKJP yang bertempat di Dewan Kuliah KKJP.

Pelbagai aktiviti dijalankan secara individu dan berkumpulan. Program ini dilaksanakan bagi mengurangkan tekanan bekerja dan mengeratkan silaturrahim antara kakitangan.

19 Disember 2022
(8.00 pagi - 5.00 petang)

Tempat : Dewan Kuliah Kolej Komuniti Jerantut

Bilangan peserta : 30 orang



# LAPORAN UNIT JAMINAN KUALITI

# LAPORAN UNIT JAMINAN KUALITI

Penulis : Noraihan binti Ahmad @ Mohamad
Pegawai Kualiti

## LAWATAN PENANDA ARAS KE POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH 2022

### 24 FEBRUARI 2022





Unit Jaminan Kualiti KKJP telah menganjurkan Lawatan Penanda Aras ke Jabatan Teknologi Makanan Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS), Kuantan Pahang. Seramai lima belas (15) orang staf KKJP telah menyertai lawatan ini. Antaranya adalah dari kalangan pensyarah, pembantu makmal dan pegawai kanan.

Objektif utama lawatan ini adalah untuk melihat pengurusan program dan pengiktirafan pensijilan oleh Malaysian Board of Technologiest (MBOT).

# LAPORAN UNIT JAMINAN KUALITI

Penulis : Noraihan binti Ahmad @ Mohamad
Pegawai Kualiti

## LAWATAN DARI UNIT JAMINAN KUALITI DAN KURIKULUM JPPKK

### 25 FEBRUARI 2022

Unit Jaminan Kualiti KKJP telah menerima Lawatan Persediaan Penilaian Akreditasi Penuh TITAC, MBOT bagi Program Pengajian Zon Timur daripada pegawai-pegawai Unit Jaminan Kualiti dan Unit Kurikulum JPPKK bagi melihat persediaan kolej untuk menerima lawatan penilaian penuh dari Malaysian Board of Technologiest (MBOT).











# LAPORAN UNIT JAMINAN KUALITI

Penulis : Noraihan binti Ahmad @ Mohamad
Pegawai Kualiti

## LAWATAN PENILAIAN PENUH OLEH MALAYSIAN BOARD OF TECHNOLOGIST (MBOT) 2022

### 31 MAC - 1 APRIL 2022

Kolej Komuniti Jerantut telah menerima lawatan penilaian penuh bagi pengiktirafan akreditasi oleh Malaysian Board of Technologist (MBOT). Lawatan ini terdiri daripada dua (2) orang panel penilai dan seorang daripada sekatariat MBOT bagi setiap program, iaitu melibatkan Program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan dan Program Sijil Akuakultur.

Lawatan ini meliputi pengurusan program seperti kurikulum, pembangunan pelajar, penilaian, staf dan fasiliti.











# LAPORAN UNIT PERHUBUNGAN INDUSTRI & ALUMNI

# LAPORAN UNIT PERHUBUNGAN INDUSTRI & ALUMNI

Penulis : Zubaydah binti Mohd Yasin
Pegawai Perhubungan Industri & Alumni

## PROGRAM KOLABORASI STRATEGIK KOLEJ KOMUNITI | 22 MAC 2022

### Objektif

⇒ Mempromosikan Kolej Komuniti Jerantut meliputi kursus sepenuh masa dan kursus pendek.

⇒ Menyediakan peluang kepada Kolej Komuniti Jerantut untuk melaksanakan aktiviti penyelidikan dan inovasi.

⇒ Membantu menyediakan tempat latihan bagi pelajar Kolej Komuniti Jerantut menjalankan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan latihan industri.

⇒ Menyediakan platform kepada institusi bagi gerak kerja *Community Social Responsisbility* (CSR) atau aktiviti berteraskan bidang.

**Kolaborasi Strategik**

- Sasaran Pelajar KKJP
- Tarikh : 22 Mac 2022 (Selasa)
- Masa : 2.00 petang - 5.00 petang

### Senarai Kolaborasi Strategik Tahun 2022

| Bil | Rakan Kolaborasi |
|---|---|
| 1 | Habib Multi Trading (Roti Canai Frozen) |
| 2 | Zam Aquatic |
| 3 | Koperasi Tunas Lada Jerantut Bhd (KoLADA) |
| 4 | Jabatan Perikanan Daerah Jerantut |
| 5 | Ema Homemade |

# LAPORAN UNIT PERHUBUNGAN INDUSTRI & ALUMNI

Penulis : Zubaydah binti Mohd Yasin
Pegawai Perhubungan Industri & Alumni

## MAJLIS TANDATANGAN SIJIL KOLABORASI STRATEGIK | 22 MAC 2022



Habib Multi Trading (Roti Canai Frozen)



Jabatan Perikanan Daerah Jerantut



Ema Homemade



Koperasi Tunas Lada Jerantut Bhd (KoLADA)



Zam Aquatic

# LAPORAN UNIT PERHUBUNGAN INDUSTRI & ALUMNI

Penulis : Zubaydah binti Mohd Yasin
Pegawai Perhubungan Industri & Alumni

## MAJLIS DIALOG BERSAMA INDUSTRI & ALUMNI KKJP | 22 MAC 2022

Dialog industri merupakan mekanisme berkesan dalam memperkukuhkan jaringan kolaborasi antara pihak industri dengan institusi pendidikan dimana sesi dialog bersama industri menjadi platform dan medium untuk bertukar pendapat dan menjalinkan hubungan erat yang sedia ada. Menerusi program ini, kita dapat mengetahui sasaran dan hala tuju mereka dalam menghadapi era industri terkini dan kualiti kebolehpasaran graduan. Ia dapat ditingkatkan dengan menambahkan lagi ruang penempatan latihan industri dan penempatan kerja kepada graduan kolej komuniti.










# LAPORAN UNIT PERHUBUNGAN INDUSTRI & ALUMNI

Penulis : Zubaydah binti Mohd Yasin
Pegawai Perhubungan Industri & Alumni

## BENGKEL KERJAYA
## *"Teknik Penulisan Resume dan Persediaan Menghadapi Temuduga"*

**7 SEPTEMBER 2022**

Kerjaya merupakan sesuatu yang amat penting dalam kehidupan seseorang khususnya kepada para pelajar yang akan bergraduat setelah mereka berjaya menamatkan pengajian di institusi masing-masing. Menyedari persaingan dalam memburu pekerjaan yang semakin sengit dan mencabar, Unit Perhubungan Industri & Alumni (PPIA) Kolej Komuniti Jerantut telah mengambil satu inisiatif menganjurkan ***Bengkel Kerjaya "Teknik Penulisan Resume & Persediaan Menghadapi Temuduga"***. Menerusi bengkel ini kita dapat mengetahui sasaran dan hala tuju mereka dalam menghadapi era industri terkini dan kualiti kebolehpasaran graduan.










# LAPORAN UNIT PENYELIDIKAN & INOVASI

# LAPORAN UNIT PENYELIDIKAN & INOVASI

Penulis : Dr. Mohd Redzwan bin Abdul Mutalib
Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi & Komersil

## PROGRAM INOVASI DAN PAMERAN PROJEK (CRAZY IDEA) TAHUN 2022

### 14 DISEMBER 2022

Unit Penyelidikan dan Inovasi (UPIK) telah berjaya melaksanakan program inovasi dan pameran projek dengan bertujuan melahirkan bakat baru pelajar dalam menghasilkan produk baru atau menambah baik produk.

Sebanyak 14 kumpulan berjaya memenangi pingat emas diikuti 7 kumpulan mendapat pingat perak dan 5 kumpulan mendapat pingat gangsa. Tahniah kepada Juara Keseluruhan Inovasi dengan produk Bebola Ayam Kulit Buah Naga. Tahniah dan syabas kepada semua pemenang.

14 Disember 2022
(8.00 pagi - 4.30 petang)

Tempat : Sekitar KKJP

Bilangan peserta : 134 orang










# LAPORAN UNIT PENYELIDIKAN & INOVASI

Penulis : Dr. Mohd Redzwan bin Abdul Mutalib
Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi & Komersil

## PROGRAM INOVASI DAN PAMERAN PROJEK (CRAZY IDEA) TAHUN 2022

### 14 DISEMBER 2022

**PINGAT EMAS**


Bebola Ayam Kulit Buah Naga


Kerepek Kentang


Prawn Shell Crackers


Aquatech Bunjut Air


Cheese Ball Hampas Kelapa


Old Cucumber Juice



Soy Bar



Carrot Nachos


Pencicah Kedondong Asam Boi


Jeli Bayam Hijau


Dadih Kulit Buah Naga


Poly-Max Boxes (Cold Chain)

# LAPORAN UNIT PENYELIDIKAN & INOVASI

Penulis : Dr. Mohd Redzwan bin Abdul Mutalib
Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi & Komersil

## PROGRAM INOVASI DAN PAMERAN PROJEK (CRAZY IDEA) TAHUN 2022

**14 DISEMBER 2022**

### PINGAT EMAS




Soy Waste Hash Brown



Donut Kentang

### PINGAT PERAK



Kek Lapis Pahang Homemade



Soy Bean Cookies



Aqua_Think



Smart Filter Outlet



Gula-Gula Empulur Nenas



Mozzarella Fish Corndog Stick



Aqua Tag

# LAPORAN UNIT PENYELIDIKAN & INOVASI

Penulis : Dr. Mohd Redzwan bin Abdul Mutalib
Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi & Komersil

## PROGRAM INOVASI DAN PAMERAN PROJEK (CRAZY IDEA) TAHUN 2022

**14 DISEMBER 2022**

**PINGAT GANGSA**



Dapur Bakar Arang Kek Lapis




Puding Gedik



Crickets B-Smart Box



Incubator Hybrid System



Pastri Karipap Labu

**JUARA KESELURUHAN INOVASI DENGAN PRODUK :
BEBOLA AYAM KULIT BUAH NAGA**

*Tahniah*





# LAPORAN PENYELARAS KPI (PERSIST)

# LAPORAN PENYELARAS KPI

Penulis : Ainin Faizah binti Alias
Penyelaras KPI PERSIST

## PENCAPAIAN CEMERLANG PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) BAGI TAHUN 2022



# LAPORAN PENYELARAS KPI

Penulis : Ainin Faizah binti Alias
Penyelaras KPI PERSIST

## PENCAPAIAN CEMERLANG PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) BAGI TAHUN 2022

KOLEJ KOMUNITI JERANTUT

| 11 | 0 | 0 |
|---|---|---|
| 100% | 50% > | < 50% |

| BIL | Status | TERAS | SO | KPI | Pernyataan KPI | Wajaran | Sasaran | Pencapaian | Skor | Pelaporan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | | 1 | 1 | KPI 1 | Peratus kebolehpasaran graduan Politeknik dan Kolej Komuniti | 12 | 87 % | 100 % | 12.00 % | Tahunan |
| 2 | | 2 | 1 | KPI 12 | Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial jabatan/institusi pada tahun semasa | 6 | 100 | 230 | 6.00 % | Sukuan |
| 3 | | 2 | 1 | KPI 13 | Peratus prestasi perbelanjaan mengurus | 8 | 99 % | 100 % | 8.00 % | Sukuan |
| 4 | | 2 | 1 | KPI 14 | Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima | 8 | 95 % | 100 % | 8.00 % | Sukuan |
| 5 | | 3 | 1 | KPI 16 | Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa | 10 | 35 % | 42.85 % | 10.00 % | Sukuan |
| 6 | | 1 | 1 | KPI 2 | Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri | 8 | 6 % | 10.53 % | 8.00 % | Sukuan |
| 7 | | 5 | 1 | KPI 21 | Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi | 10 | 2 | 2 | 10.00 % | Sukuan |
| 8 | | 5 | 1 | KPI 22 | Bilangan penyertaan program pembelajaran sepanjang hayat pada tahun semasa | 14 | 1378 | 1807 | 14.00 % | Sukuan |
| 9 | | 5 | 1 | KPI 23 | Bilangan program atau aktiviti yang melibatkan alumni | 6 | 1 | 1 | 6.00 % | Sukuan |
| 10 | | 6 | 1 | KPI 24 | Bilangan kertas penyelidikan yang diterbitkan oleh warga Politeknik dan Kolej Komuniti pada tahun semasa | 10 | 2 | 2 | 10.00 % | Sukuan |
| 11 | | 1 | 1 | KPI 5 | Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik | 8 | 2 | 2 | 8.00 % | Sukuan |
| | | | | | | | | Jumlah Markah : | 100 / 100 | |
| | | | | | | | | Markah Keseluruhan (Pelarasan): | 100 % | |




PENGARAH
KOLEJ KOMUNITI JERANTUT

Tuan,

**PENCAPAIAN CEMERLANG PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) BAGI TAHUN 2022**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak tuan telah mempamerkan komitmen yang tinggi dan menerapkan budaya kerja berasaskan prestasi dalam usaha memastikan perkhidmatan yang disampaikan adalah berkualiti. Pelaksanaan pengukuran prestasi dan pencapaian sasaran diyakini dapat meningkatkan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan.

3. Dengan ini, pihak jabatan merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada warga **Kolej Komuniti Jerantut** atas pencapaian **CEMERLANG** bagi pelaksanaan KPI JPPKK tahun 2022 dengan skor pencapaian yang diperolehi iaitu **100%**.

# LAPORAN UNIT KESEPUNYAAN & KESERAKANAN (PK&K)

# LAPORAN UNIT KESEPUNYAAN & KESERAKANAN

Penulis : Ahmad Sabre bin Osman &
Nurul Afza binti Abdul Malik
Juru Audit Dalaman

## PEMANTAUAN DALAMAN KESEPUNYAAN & KESERAKANAN (PK&K) 13 - 15 APRIL 2022

- Pemantauan Kesepunyaan dan Keserakanan (PK&K) dibawah kelolaan Bahagian Governan & Kecemerlangan (BGK), JPPKK.
- Membantu institusi ke arah pemantapan pengurusan melalui penambahbaikan berterusan dari aspek kualiti penyampaian, produktiviti dan kecekapan serta mematuhi peraturan dan arahan yang sedang berkuatkuasa.
- Selari dengan Fokus Strategik Kelima iaitu Mempersada Kecemerlangan Institusi, Lonjakan 6 : Pemantapan Tadbir Urus di Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) serta Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (PSPKK).







# LAPORAN UNIT KESEPUNYAAN & KESERAKANAN

Penulis : Ahmad Sabre bin Osman &
Nurul Afza binti Abdul Malik
Juru Audit Dalaman

## PEMANTAUAN DALAMAN KESEPUNYAAN & KESERAKANAN (PK&K) 13 - 15 APRIL 2022



# LAPORAN UNIT PERPUSTAKAAN

# LAPORAN UNIT PERPUSTAKAAN

Penulis : Azni binti Zainun
Pembantu Pustakawan

## PROGRAM BACAAN KEGEMARANKU
## 7 JANUARI 2022

Perkongsian Oleh : **Puan Rosilah binti Khairudin**
Tajuk Buku Pilihan : **11 Amalan Memiliki Kekayaan**



Buku ini ditulis oleh Saudara Ebit Lew untuk mengupas urusan kehidupan seharian yang kita sedang jalani agar dapat disuntik dengan amalan yang betul agar layak dan berhak untuk memiliki kekayaan di sisi Allah SWT sama ada di dunia ataupun di hari akhirat.

Buku ini turut membicarakan tentang pengalaman dan perjalanan hidup orang yang hebat, bagaimana mereka berjaya dan menjadi hamba Allah yang taat. Dikongsikan sebelas (11) amalan yang boleh diikuti oleh pembaca diantaranya ialah :-

**Niat** - *Apa yang kita mahukan dalam hidup atau apa yang Allah mahukan daripada kita sebagai hambaNya. Ianya bermula dengan hati yang sentiasa bersyukur.*

**Solat diawal waktu** - *Ramai yang mencari dan mengejar bahagia serta kaya tetapi tidak sujud kepada yang memberi bahagia iaitu Allah.*

**Ibu dan ayah** - *Kena ingat bahawa redha Allah terletak kepada redha kedua ibubapa kita, maka bahagiakanlah mereka.*

**Isteri dan anak-anak** - *99% orang yang berjaya adalah orang yang mencintai dan menyayangi pasangan dan anak-anak mereka.*




**Buku ini juga berkongsi beberapa lagi amalan yang boleh dilakukan seperti Solat Tahajjud, Solat Dhuha serta bersangka baik dan bersungguh-sungguh dalam berdakwah.**

**Semoga dengan perkongsian bacaan kegemaran ini, mendapat manfaat daripada semua warg Kolej Komuniti Jerantut.**

# LAPORAN UNIT PERPUSTAKAAN

Penulis : Azni binti Zainun
Pembantu Pustakawan

## PROGRAM BACAAN KEGEMARANKU
## 23 SEPTEMBER 2022

Perkongsian Oleh : **Puan Noradila binti Amrun**
Tajuk Buku Pilihan : **Allah Tempat Meminta**

Buku ini adalah hasil karya Fathuri Salehuddin yang mengandungi tiga (3) bahagian. Bahagian pertama membawa tajuk :

**Apa Khabar Iman Kita**. Melalui tajuk ini, pengarang telah menggarap enam (6) bab.




Pada bahagian kedua pula bertajuk **40 Kisah Benar**. Dalam tajuk ini, pembaca telah disajikan dengan 40 kisah tentang mukjizat Allah SWT.

Manakala pada bahagian ketiga pula, pengarang mengemukakan tajuk : **Enam Amalan Hidup Sejahtera**. Dalam tajuk ini disenaraikan enam (6) amalan yang perlu diikuti oleh kita untuk kehidupan sempurna dan sejahtera.

Buku ini memberi pengajaran dan keinsafan kepada kita dalam meniti kehidupan sebagai seorang manusia. Pengarang mengemukan hal berkaitan dengan iman kita. Sama ada kita mahu iman kita kuat ataupun sebaliknya, hanya kita yang menentukannya.

Allah itu Maha Pemberi, yang penting kita perlu percaya dan yakin kepada Allah. Formula 3S wajar kita beri perhatian, iaitu **Solat, Sedekah dan Sabar**. Yang penting kita memberi dahulu, ikhlaskan pemberian itu, maka yakinlah bahawa kemahuan kita akan ditunaikan oleh Allah dan segala urusan kita akan dipermudahkan olehNya.

> *“Hanya Engkaulah yang kami sembah, hanya kepada Engkaulah kami minta pertolongan. (Surah Al-Fatihah : Ayat 5)”*



# LAPORAN UNIT PERPUSTAKAAN

Penulis : Azni binti Zainun
Pembantu Pustakawan

## PROGRAM BACAAN KEGEMARANKU
## 23 SEPTEMBER 2022

Perkongsian Oleh : **Encik Mohd Saiful Zairy bin Mohd Zaidi**
Tajuk Buku Pilihan : **Penyakit dan Pengurusan Kesihatan Ikan Ternakan**

Encik Mohd Saiful Zairy merupakan pensyarah Sijil Akuakultur yang telah memilih buku berkaitan bidang perikanan iaitu mengenai Penyakit dan Pengurusan Kesihatan Ikan Ternakan.

Buku ini digarap berdasarkan maklumat dan kajian sains berkaitan jangkitan penyakit ikan ternakan di peringkat global dan juga di Malaysia.

Ia memperkenalkan jenis-jenis penyakit yang disebabkan oleh patogen seperti bakteria, virus, kulat dan parasit serta teknik diagnosa sesuatu penyakit. Penyakit yang disebabkan oleh faktor persekitaran dan nutrisi juga dikupas melalui buku ini.

Rawatan menggunakan bahan kimia antibiotik yang dibenarkan dan bahan alternatif juga dibincangkan termasuk pencegahan melalui penggunaan vaksin. Kawalan pengurusan kesihantan ikan menerusi amalan biosekuriti bagi setiap sistem ternakan ikan juga diterangkan dalam mencegah dan menyekang penularan penyakit.






# LAPORAN UNIT PERPUSTAKAAN

Penulis : Azni binti Zainun
Pembantu Pustakawan

## PERTANDINGAN FOTOGRAFI "Library in My Heart"

**14 JANUARI 2022**

Pertandingan fotografi "Library in My Heart" ini meletakkan syarat agar peserta menghantar satu gambar yang diambil di dalam Ruang Perpustakaan Kolej Komuniti Jerantut. Setiap penyertaan juga dikehendaki meletakkan *caption* yang menarik berkaitan tabiat amalan membaca dikalangan rakyat Malaysia.

Pertandingan telah berlangsung selama lima (5) hari bermula daripada 10 Januari hingga 14 Januari 2022.

Seramai enam puluh tujuh (67) penyertaan yang terdiri daripada pelajar serta kakitangan Kolej Komuniti Jerantut telah menyertai pertandingan ini. Penyertaan ini juga turut disertai oleh pekerja kontrak kebersihan KKJP yang telah pun menghantar sebanyak empat (4) penyertaan.















# LAPORAN UNIT PERPUSTAKAAN

Penulis : Azni binti Zainun
Pembantu Pustakawan

## BULAN MEMBACA 2022 PERINGKAT KOLEJ KOMUNITI JERANTUT | 1-30 APRIL 2022

Sepanjang bulan April 2022 yang lalu, Unit Perpustakaan Kolej Komuniti Jerantut telah menganjurkan 'Bulan Membaca Peringkat Kolej Komuniti Jerantut' bagi tahun 2022.

Pelbagai aktiviti menarik telah dianjurkan secara berperingkat bagi menarik minat pengunjung untuk bersama-sama mengambil peluang menyertainya. Diantara aktiviti yang dijalankan ialah :-



# LAPORAN UNIT PERPUSTAKAAN

Penulis : Azni binti Zainun
Pembantu Pustakawan

## LAWATAN ILMIAH KE PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR | 10 JUN 2022




Pada 10 Jun 2022 yang lalu, Unit Perpustakaan telah mengambil peluang mengadakan lawatan ilmiah ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan kepada peserta tentang kepentingan dan kebaikan membaca serta memberi peluang kepada mereka untuk mendapatkan bahan bacaan yang dijadikan koleksi peribadi.





# LAPORAN UNIT PERPUSTAKAAN

Penulis : Azni binti Zainun
Pembantu Pustakawan

## PROGRAM SEMARAK MERDEKA KOLEJ KOMUNITI JERANTUT 2022
### 22 OGOS HINGGA 9 SEPTEMBER 2022

Bersempena dengan Bulan Kebangsaan Malaysia, Unit Perpustakaan dengan kerjasama Unit Pembangunan Pelajar turut tidak melepaskan peluang untuk menganjurkan Program Semarak Merdeka KKJP 2022 bermula daripada 22 Ogos hingga 9 September 2022.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan kepada semua warga kolej khususnya para pengunjung Perpustakaan KKJP. Antara aktiviti yang telah dijayakan adalah :-

- PERTANDINGAN TIK TOK MERDEKA
- PERTANDINGAN MENCIPTA SAJAK
- PERTANDINGAN CELIK JAWI
- KUIZ SEMARAK MERDEKA













# LAPORAN UNIT PERPUSTAKAAN

Penulis : Azni binti Zainun
Pembantu Pustakawan

## PROGRAM 'JOM LEPAK@LIBRARY'

### 7 - 18 NOVEMBER 2022

Unit Perpustakaan telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Program 'Jom Lepak @ Library' bermula 7 November hingga 18 November 2022 bagi mengisi masa terluang warga kolej.

Sasaran utama program diwujudkan adalah kepada pelajar yang tidak pulang ke kediaman mereka pada waktu rehat dengan bersantai di perpustakaan dan menyertai aktiviti yang telah disediakan iaitu; Dam Ular Gergasi, Ceper, Batu Seremban, Congkak dan juga Teka Muka Surat Buku.

Program tersebut mendapat penyertaan yang menggalakkan daripada warga kolej dengan kehadiran seramai 109 pengunjung selama dua (2) minggu program berlangsung.













# LAPORAN UNIT PERPUSTAKAAN

Penulis : Azni binti Zainun
Pembantu Pustakawan

## PENGAWAS PERPUSTAKAAN SESI 2022/2023

Seramai lima (5) orang pelajar telah dilantik sebagai Pengawas Perpustakaan yang terdiri daripada dua (2) orang pelajar dari sesi 2021/2022 dan seramai tiga (3) orang pelajar dari sesi 2022/2023.

Tujuan pelantikan kesemua mereka adalah bagi membantu dalam setiap aktiviti dan program yang dijalankan oleh Unit Perpustakaan serta membantu dalam menyampaikan maklumat berkaitan perpustakaan.
















*Tahniah buat semua yang terpilih menjadi Pengawas Perpustakaan*

# LAPORAN KELAB KEBAJIKAN WARGA KKJP (KEKWA)

# LAPORAN KEKWA

Penulis : Azizurani binti Ahmad
Setiausaha KEKWA

## IFTAR JAMAIE 1443 HIJRAH

**13 April 2022**

**Dewan Kuliah KKJP**



Ucapan aluan daripada Pengarah KKJP







Ucapan khas daripada Pengerusi KEKWA KKJP

### OBEJEKTIF

- KEKWA KKJP telah memberi sumbangan program Iftar Jamaie staf bersama keluarga pada 13 April 2023
- Mengeratkan lagi silaturahim bersama semua staf dan keluarga
- Berkongsi rezeki dan bertukar juadah berbuka puasa.







# LAPORAN KEKWA

Penulis : Azizurani binti Ahmad
Setiausaha KEKWA

## BAKUL RAMADAN 1443 HIJRAH

**26 April 2022**

**Dewan Kuliah KKJP**






AJK KEKWA sedang memilih bahan-bahan asas untuk diletakkan di dalam Bakul Rmadan




### OBEJEKTIF

- Inisiatif KEKWA KKJP sempena bulan Ramadan untuk mengumpul sumbangan ikhlas daripada semua staf.
- Menggalakkan amalan berkongsi rezeki kepada yang memerlukan.
- Menyampaikan sumbangan yang telah dikumpulkan kepada pelajar kolej, pekerja kebersihan dan pengawal keselamatan.




Bakul Ramadan yang telah disediakan

# LAPORAN KEKWA

Penulis : Azizurani binti Ahmad
Setiausaha KEKWA

# BAKUL RAMADAN 1443 HIJRAH

## Penyerahan Bakul Ramadan





**Sedekah Pada Bulan Ramadhan**

Daripada Anas ﷺ, Nabi ﷺ ditanya:

أَيُّ ٱلصَّدَقَةِ أَفْضَلُ؟ قَالَ: صَدَقَةٌ فِي رَمَضَانَ

"Apakah sedekah yang paling utama?" Jawab Baginda ﷺ, "Sedekah yang dilakukan pada bulan Ramadhan."

SUNAN AL TIRMIZI, HADITH 665






# LAPORAN KEKWA

Penulis : Azizurani binti Ahmad
Setiausaha KEKWA

## SERAHAN SUMBANGAN STAF

### OBEJEKTIF

- Menyampaikan sumbangan kepada pegawai yang kematian ibu bapa, ibu bapa mertua atau anak.
- Menyampaikan sumbangan derma kilat kepada staf yang dimasukkan wad kecemasan.

**OKTOBER 2022**

Penyerahan sumbangan khairat kematian ibu kandung kepada Puan Noraihan binti Ahmad @ Mohamad





**NOVEMBER 2022**

Penyerahan sumbangan ehsan dan derma kilat kepada Encik Muhamad Nazimi bin Mat Saleh yang telah dikejarkan ke wad kecemasan HOSHAS akibat serangan jantung.

# LAPORAN KEKWA

Penulis : Azizurani binti Ahmad
Setiausaha KEKWA

## CENDERAHATI STAF TAHUN 2022

### OBEJEKTIF

- Cenderahati tahunan kepada semua staf sebagai kenangan.
- Menyampaikan hadiah sempena perkahwinan staf.
- Cenderahati kenangan kepada pegawai mySTEP.



Meraikan majlis perkahiwanan
Encik Mohamad Shamsul bin Sapari






Cenderahati perpisahan kenangan buat Encik Mohamad Shamsul bin Sapari selaku pensyarah MySTEP Unit Akuakultur

# LAPORAN KEKWA

Penulis : Azizurani binti Ahmad
Setiausaha KEKWA

## CENDERAHATI STAF TAHUN 2022

**20 Disember 2022**










Jambangan coklat sebagai cenderahati sempena Majlis Apresiasi pada 20 Disember 2022



# LAPORAN KEKWA

Penulis : Azizurani binti Ahmad
Setiausaha KEKWA

## CENDERAHATI STAF TAHUN 2022








Payung sebagai cenderahati tahunan untuk semua staf

## AHLI JAWATANKUASA



Mesyuarat JK. KEKWA KKJP



JK. KEKWA KKJP

# Autograf



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KOLEJ KOMUNITI
JERANTUT

**KOLEJ KOMUNITI JERANTUT**

Kementerian Pendidikan Tinggi
Taman Wawasan,
Jalan Jerantut-Temerloh,
27000 Jerantut, Pahang.
MALAYSIA

Tel : 09-2662945
Faks : 09-2662946
Facebook : Kolej Komuniti Jerantut
kkjerantut@kkjerantut.edu.my

eISSN 2716-6791

9 772716 679009